

TRIBUN

KOKURIKULUM PUTRA

EDISI 1 | SEMESTER PERTAMA 2024/2025



PUSAT KOKURIKULUM & PEMBANGUNAN PELAJAR

CO-CURRICULUM AND STUDENT DEVELOPMENT CENTRE

فوسٲ كوكوريكولوم دان قمباغونن فلاجير

Tribun Kokurikulum Putra
Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM
Terbitan Pertama Semester Pertama sesi 2024/2025

Diterbitkan oleh:

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang,
Selangor

No. Tel : 03 9769 1156

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN:

Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap 6 bulan
©2025 Hakcipta



Kandungan

EDISI 1 | SEMESTER 1 2024/2025

SECANGKIR KATA	6
SEKAPUR SIREH	7
SIDANG REDAKSI	8
Shinobi Star Menjuarai Eksplorasi Warisan Manifestasi PUTRA (ERAT)	10
<i>Champions of The Circle</i> : Petanque Showdown 2024 Raih Penyertaan 120 Peserta di UPM	11
Projek Siswa Niaga 2024: Keusahawanan Mahasiswa UPM Mencipta Kejayaan	12
120 Peserta Serlahkan Keceriaan dalam <i>Colour Run</i> UPM	13
Mahasiswa Tahun 1 berjaya menganjurkan Bengkel Asas Bahasa Isyarat Malaysia di Dewan Putra PKPP, UPM	14
Bakti Ummah : Perkasa Nilai Tanggungjawab Sosial dan Fardhu Kifayah	15
Pengarah Filem Don Dukun Tampil di Bengkel Filem UPM	16
Bakti 'Hopesoap' Merapat Jurang antara Generasi	17
UPM Jayakan Program Sofbol Bersama Alumni: Erat Hubungan, Semai Semangat Kebersamaan	18
Jom Teater 2024: Pentas Kreativiti, Aspirasi dan Jati Diri Mahasiswa	19
Putra Foodie Fiesta 2024 Meriahkan UPM, Usahawan Siswa Tunjuk Bakat Niaga	20
' <i>Bead It Your Way: Stringing Memories</i> ' – Menyulam Kreativiti, Menyemai Budaya	21
Ahli Klover UPM Menyemai Semangat Kesukarelawanan dalam Program Khidmat Komuniti	22
Pelajar UPM Mengeratkan Jalinan Komuniti di Pusat Jagaan Warga Emas	23
Dari Kampus ke Komuniti: Inspirasi Budi Madani	24
Pelajar UPM Laksana Program Khidmat Komuniti di Sekolah Tunas Bakti	25
UPM Nyalakan Semula Jiwa Takraw dalam Diri Anak Muda	26
Fiesta in the Tropics: Mahasiswi UPM Serlah Kepimpinan dan Sukan Air	27
Lestarkan Alam, Ciptaan Unik! 3R <i>Eco-Decor Challenge</i> Tarik Minat Mahasiswa	28
STEM4 UMMAH: Memupuk Kecintaan Terhadap Masjid melalui Aktiviti Inovatif	29
Program Inspirasi Putra Lahirkan Mahasiswa Berdaya Saing dan Beretika	30
Pembersihan Warisan Ummah di Masjid dan Perkuburan UPM	31
<i>Connecting with Nature</i> : Mahasiswa UPM Serlah Daya Tahan di SISFEC	32
Festival Jelajah Rasa Tradisi 2025 Tarik Minat Belia Kenali Budaya	33
Program Asas Renang 2.0 Tingkat Kemahiran dan Keyakinan Peserta	34
Hari Pertunjukan Fesyen Pakaian Tradisional, Berjaya mempromosikan Tradisi Kaum di Malaysia	35
Pelajar UPM meriahkan Pameran Taekwon-Go dengan Semangat di UPM	36
Konsert Galau Kumpul Dana untuk Bantu Rumah Anak Yatim	37
Mahasiswa UPM bersemangat menyertai Program Putra <i>Impact</i> 2025	38
Gotong-Royong Penanaman Sayuran di Kolej 14: Misi Hijau Bersama Kumpulan Bakti Siswa 14	39
Program Dapur Kasih Sayang : Inisiatif Cakna Komuniti	40
Program Silambam 'Wellness Warrior' Berlangsung dengan Meriah di UPM	41
Euphoria Melody Serlah Bakat Vokal Mahasiswa UPM	42
Kembara Permainan Tradisi: Meneroka Warisan Seni dan Budaya Bersama Komuniti UPM.....	43
<i>Kindness Corner</i> UPM: Cetus Revolusi Kebersamaan Komuniti dengan Nilai Seikhlas Hati	44
Meneroka Dunia Bola Jaring: Cabaran dan Pengalaman bersama <i>Netball Navigator</i>	45

Keceriaan Kampus Bermula di UPM: Gotong-Royong Cipta Kelestarian dan Ukhwah	46
Kursus Keadilan dan <i>Scoring</i> Besbol Tahap 1 Berlangsung Meriah di UPM	47
Program Kongsi Rezeki, Siswa Berbakti Membawa Senyuman kepada Warga UPM dan Penduduk Sekitar	48
Aksesori daripada Manik, Pelajar UPM buat kelainan	49
91 Orang Peserta Memeriahkan Klinik " <i>Spin Doctor</i> " dan Perlawanan Pingpong U12 & U17 di Akademi Sukan UPM	50
Program <i>Cheerful in Campus</i> : Gotong-Royong Mewujudkan Semangat Kebersamaan di UPM	51
Webinar Kemahiran dan Profesionalisme Tingkat Keyakinan Pelajar UPM	52
Program Intervensi Madani Serlahkan Minat Membaca Murid Pendidikan Khas	53
Semarak Nilai Murni Melalui Gotong-Royong Mahasiswa Bersama Kepertama UPM.....	54
PUTRA Sentuhan Kasih Perkasa Jiwa Prihatin Mahasiswa UPM	55
Jalinan UPM dan BRDB <i>Rotary Children's Residence</i> dalam Program CHATTERBOX	56
<i>Volley Splash</i> – Gabungan Sukan & Keseronokan Air!	57
Kembara Alam, Pembentuk Kepimpinan: Kejayaan Program <i>Outdoor Odyssey</i>	58
Hobi Memancing Membawa Keuntungan Kepada Mahasiswa dan Komuniti	59
Rasa Lokal: Pengunjung Memeriahkan Foodtra Ventures UPM	60
Transformasi Ruang Awam dan Ibadah: Pengurusan Nurseri dan Tatarias Pokok Hiasan di Pusat Pertanian Putra dan Masjid UPM	61
UPM <i>Badminton Open 2024</i> : Platform Pelajar Serlah Bakat dan Kepimpinan	62
Kejohanan Sepak Takraw Piala AISO 2025:Pentas Bakat Muda dan Perpaduan Komuniti	63
Pelajar UPM Menganjurkan Golf Clinic Mempromosi Golf kepada Masyarakat	64
Pelajar UPM Menerapkan Seni Batik di Kalangan Murid Tadika	65
Masa Depan Bola Sepak Bermula di Sini: Kejohanan U-10	66
Pemanah Elit Berkumpul di PutraArchery Tournament 2025	67
Pelajar UPM Peka Tuntutan Asas Agama	68
Bakat Muda Serlah di Gelanggang Astaka Seni UPM	69
Liga Sepak Penalti Terbuka UPM Semarakkan Semangat Kesukanan	70
Sesi Taekwondo Luar Biasa: Thinagaran Naidu, Juara Dunia, Latih 120 Peserta dengan Gaya!	71
Tingkat Kesedaran Bijak Kewangan melalui Bubble Run	72
Bakat Muda Bersinar di Kejohanan Badminton UPM 2025	73
Klinik Hoki membentuk pelajar sekolah menjadi " <i>Star</i> "	74
Pelajar UPM Perkenal Pembelajaran BolaTampar Berkonsepkan <i>Explorace</i>	75
Bual Bicara Keusahawanan Era Milenium Bersama 4Life Warnai Kampus UPM	76
Kejohanan Beregu Tenis Lelaki Tertutup UPM 2025 Meriahkan Gelanggang Tenis UPM	77
Siswa UPM anjur Kejohanan Bola Jaring,Tingkatkan Perpaduan dan Bakat Sukan	78
UPM Anjur Kejohanan Ping Pong Beregu Jemputan 2025	79

SECANGKIR KATA

Kokurikulum Berkredit di Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan nadi penting dalam pembentukan identiti dan jati diri mahasiswa. Dalam landskap pendidikan tinggi yang semakin dinamik dan mencabar, kokurikulum bukan sekadar pelengkap akademik, tetapi wahana strategik yang membentuk kematangan pemikiran, kekuatan karakter dan kebijaksanaan kepimpinan. Melalui pelaksanaan yang berstruktur dan berimpak, mahasiswa diperkasa dengan kemahiran insaniah melalui komunikasi yang berkesan, keupayaan berfikir secara kritis serta menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam pasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika dan profesionalisme, serta kepimpinan. Pendekatan ini memastikan mahasiswa menikmati pengalaman pembelajaran dan kehidupan kampus yang terbaik, bermakna dan berteraskan nilai, selari dengan True North UPM.



Berpandukan True North UPM sebagai kompas nilai dan hala tuju strategik, UPM komited menyediakan pengalaman pembelajaran yang melangkaui bilik kuliah, merangkumi kepimpinan pelajar, kesukarelawanan, khidmat komuniti dan pembangunan sahsiah. Pengalaman kampus ini membentuk mahasiswa yang holistik, berdaya tahan dan berprinsip, mampu membuat keputusan beretika, berkomunikasi secara matang, memimpin dengan hikmah serta menyesuaikan diri dalam persekitaran yang sentiasa berubah, selari dengan kerangka Putra HEPA UPM (Holistic, Empowerment, Patriotism dan Advancement).

Dalam memastikan pelaksanaan kokurikulum berlangsung secara berintegriti, Tribun Kokurikulum Putra berperanan sebagai platform pendidikan nilai yang mendidik mahasiswa tentang kebertanggungjawaban, disiplin, tatakelola dan profesionalisme. Mekanisme ini bukan sahaja mengurus pematuhan, malah membentuk kesedaran bahawa setiap peluang pembelajaran di kampus hadir bersama amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dengan beretika.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) atas komitmen berterusan dalam menjayakan program-program berimpak yang menyokong pembangunan kemahiran insaniah mahasiswa secara menyeluruh. Usaha bersepadu inilah yang menterjemahkan aspirasi True North UPM kepada pengalaman pembelajaran dan kehidupan kampus yang berkualiti dan bermakna.

Marilah kita bersama-sama terus menyuburkan semangat Jiwa Putra yang berdaya tahan, berkeperibadian mulia dan berprinsip, agar UPM terus melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang ilmu dan kemahiran, tetapi mampu menyumbang secara signifikan kepada masyarakat dan negara.

Prof. Dr. Arifin Abdu
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Putra Malaysia

SEKAPUR SIREH

"Kokurikulum bukan sekadar aktiviti — ia adalah proses membina karakter, memupuk kepimpinan dan memperkasa insan."

Semester Pertama Sesi 2024/2025 memperlihatkan satu lagi pencapaian cemerlang bagi Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) apabila ratusan mahasiswa UPM berjaya menzahirkan kreativiti, kepimpinan dan semangat kesukarelawanan melalui pelbagai program berimpak tinggi. Setiap aktiviti yang dilaksanakan sama ada di kampus mahupun bersama komuniti yang mencerminkan falsafah pendidikan UPM yang menekankan pembangunan holistik dan keseimbangan potensi insan.

Buletin Tribun Kokurikulum Putra edisi ini menghimpunkan pelbagai inisiatif mahasiswa dari pelbagai kursus kokurikulum seperti Bakti Siswa, Usahawan Siswa, Teater dan Drama Pentas, Sepak Takraw, Renang, Pengurusan Masjid, Inovasi dan Rekacipta, Asas Kembara serta banyak lagi kursus kokurikulum berkredit. Setiap program memperlihatkan kesungguhan pelajar dalam menterjemah ilmu menjadi tindakan, serta membina jaringan dengan masyarakat dan rakan industri.

Keberhasilan program seperti Karnival Mega Kokurikulum (MEGCO) 2025, Program Jiwa Putra @ PKPP, Skuad Pertanian Untuk Rakyat (PUTRA), Explorasi Warisan Manifestasi PUTRA (ERAT), Putra Foodie Fiesta, Colour Run, Festival Jelajah Rasa Tradisi, dan Bakti Ummah membuktikan bahawa pelajar UPM bukan sekadar cemerlang di dewan kuliah, tetapi juga berdaya saing, berjiwa besar dan berperanan sebagai agen perubahan sosial. Inilah roh yang ingin diterapkan melalui pendekatan Experiential Learning dan Service Learning yang menjadi teras kepada falsafah kokurikulum UPM.

PKPP sentiasa komited untuk memperkukuh pendekatan pengajaran berasaskan pengalaman (learning by doing), di samping memperluas jaringan strategik dengan fakulti, kolej kediaman, industri dan komuniti. Melalui kerjasama ini, mahasiswa berpeluang mengasah kemahiran insaniah, memperkukuh nilai empati, dan menzahirkan kepimpinan yang berakar pada nilai Malaysia MADANI.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua fasilitator khas, barisan fasilitator kursus, tenaga pengajar, penyelarar fakulti serta seluruh warga PKPP yang telah menjayakan pelaksanaan kursus dan program semester ini. Ucapan tahniah juga kepada mahasiswa UPM yang telah membuktikan bahawa setiap aktiviti kokurikulum mampu menjadi ruang pembelajaran bermakna serta platform untuk menyerlahkan potensi diri.

Akhirnya, saya berharap agar Tribun Kokurikulum Putra terus menjadi wadah penceritaan, dokumentasi dan inspirasi kepada seluruh warga UPM untuk terus maju dengan semangat Berilmu Berbakti.

"Kokurikulum Teras Pembangunan Insan — Membina Kepimpinan, Menyemai Keunggulan."



Prof. Madya Dr. Mursyid Arshad

Pengarah
Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar
Universiti Putra Malaysia

PUSAT KOKURIKULUM & PEMBANGUNAN PELAJAR

CO-CURRICULUM AND STUDENT DEVELOPMENT CENTRE

فوسٲ كوكوريكولوم دان فمباغونن فلاجر

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Mursyid Arshad

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Rozzamri Ashari

TIMBALAN KETUA EDITOR

En. Mohd Hazrie Minhat

EDITOR

Pn. Farah Dayana Jamaluddin

Pn. Noratikah Musa

En. Muhamad Zulwaqa Muhamad Zamri

Fasilitator Kursus Kokurikulum Berkredit

Pelajar-Pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit

PEREKA GRAFIK

En. Muhamad Zulwaqa Muhamad Zamri

Sidang redaksi Tribun Kokurikulum Putra merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi PKPP dan semua sekyen di PKPP yang menjayakan penerbitan Tribun Kokurikulum Putra edisi Semester 1 2024/2025

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi Tribun Kokurikulum Putra
Seksyen Kokurikulum Berkredit
Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang

Tel : 03-9769 8559

E-mel: pkpp_kkb@upm.edu.my





Shinobi Star Menjuarai Eksplorasi Warisan Manifestasi PUTRA (ERAT)

oleh : Nor Atika Syafril

Serdang, 22 Disember 2024 – Kumpulan Shinobi Star berjaya mengungguli pertandingan Eksplorasi Warisan Manifestasi PUTRA (ERAT) anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Fakulti Pertanian, UPM dan Prolintas.

Pertandingan yang berlangsung semalam di sekitar Fakulti Pertanian itu disertai oleh lima kumpulan pelajar berbilang kaum bertujuan untuk mendidik peserta tentang kepentingan memelihara warisan budaya tempatan serta memupuk minat generasi muda terhadap seni tradisional yang semakin dilupakan.

Kumpulan Shinobi Star tampil menyerlah dengan gandingan ahli dari pelbagai bidang pengajian, termasuk Sains Pengurusan Perladangan, Teknologi Pertanian Pintar, dan Perniagaantani. Kombinasi ini menjadi resipi kejayaan mereka dalam mengatasi cabaran pertandingan.

Menurut wakil kumpulan tersebut, Tan Leong Yang, dari jurusan Perniagaantani, "Program ini adalah usaha penting untuk menghubungkan inovasi dan warisan demi memastikan kelestarian budaya tempatan. Kami bangga dapat menyumbang ke arah itu sebagai satu pasukan yang unik."

Kejayaan Shinobi Star membolehkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM200, hamper, produk penjagaan diri tajaan ByNadia Enterprise, serta sijil penghargaan.

Naib juara dimenangi kumpulan Newgate dari Bachelor Sains Pertanian, manakala tempat ketiga dirangkul oleh Horti Rangers mewakili Kelab Hortikultur dan Kumpulan Feral Fury dari Kelab Sains Haiwan serta Hortest (Kelab Hortikultur) masing-masing berada di tempat keempat dan kelima.

Pengarah program, Saudara Muhammad Haziq Mazlan, menegaskan bahawa nama "ERAT" dipilih untuk menggambarkan jalinan akrab dalam hubungan manusia, kerjasama, dan integrasi idea. "Semangat program ini adalah menghubungkan warisan, inovasi, dan generasi mahasiswa dengan pendekatan lestari," katanya

Program ini, diadakan sebagai sebahagian daripada Kursus Kokurikulum Berkredit Persembahan Lisan Tradisional (QKB2109), turut mendapat sokongan padu daripada rakan kolaborasi Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. dan ByNadia Enterprise.

Turut hadir, En. Mohd Shahrizan bin Mohd Zain, Fasilitator Khas Kursus Kokurikulum Berkredit UPM, dan YBr. En. Hanis bin Johari, Penolong Pendaftar Kanan Fakulti Pertanian.

Diharapkan, program seperti ini terus menjadi pemangkin dalam memartabatkan warisan seni tempatan sambil mendekatkan generasi muda kepada budaya bangsa.



Champions of The Circle: Petanque Showdown 2024 Raih Penyertaan 120 Peserta di UPM

Oleh: Ayman Haziq

Serdang, 21 Disember 2024 – Gelanggang Petanque Universiti Putra Malaysia (UPM) bergema dengan semangat kesukanan apabila CHAMPIONS OF THE CIRCLE: PETANQUE SHOWDOWN 2024, satu kejohanan petanque yang dianjurkan oleh pelajar QKS2126, menarik penyertaan 120 peserta dari pelbagai latar belakang yang berstatus Sukan SEA, SUKMA dan negeri.

Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Dr. Rozzamri Ashari, yang merasmikan acara, menekankan kepentingan aktiviti seperti ini dalam membina nilai kesukanan dan keharmonian antara pelajar dan masyarakat. "Aktiviti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan tetapi juga menjadi platform untuk melatih pelajar dalam kepimpinan dan pengurusan acara," katanya.

Pertandingan yang bermula pada awal pagi dengan sesi pendaftaran dan taklimat diteruskan dengan perlawanan peringkat kumpulan sebelum memasuki peringkat eliminasi. Program ini juga menonjolkan aspek disiplin dan pengurusan masa, seperti yang diakui oleh peserta, sambil mereka berusaha mencapai prestasi terbaik dalam setiap perlawanan.

Selain daripada semangat kesukanan, program ini memberikan pengalaman berharga dalam penyelesaian masalah dan komunikasi berkesan, khususnya ketika perlawanan memuncak. "Kami berharap ini menjadi titik permulaan bagi pelajar untuk menyumbang kepada masyarakat menerusi acara sukan," kata Encik Ahmad Safwan Bin Setaffa, fasilitator kursus.

Acara yang berlangsung hingga malam ini disempurnakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang, menjadikan kejohanan ini satu pengalaman bermakna kepada semua peserta. Kejohanan ini bukan sahaja memupuk daya tahan tetapi juga memperkenalkan sukan petang sebagai aktiviti yang menyihatkan dan membina kerjasama.





Projek Siswa Niaga 2024: Keusahawanan Mahasiswa UPM Mencipta Kejayaan

Oleh: Te Yuen Bing

Serdang, 21, 28 & 29 Disember 2024 – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan program bertemakan keusahawanan bertajuk Projek Siswa Niaga: UPM Street Food dan Majlis Apresiasi Usahawan Siswa 2024. Program ini melibatkan pelajar Kursus Usahawan Siswa (QKH2104) Kumpulan 1 dan 2, bertujuan memberikan pendedahan praktikal kepada dunia perniagaan.

Program ini berlangsung dalam tiga sesi merangkumi aktiviti jualan makanan jalanan (street food) dan majlis penghargaan usahawan siswa. Ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk mempraktikkan teknik pengurusan perniagaan sambil membina kemahiran komunikasi yang penting dalam dunia keusahawanan.

UPM Street Food 2024: Platform Usahawan Mahasiswa

Acara UPM Street Food yang berlangsung pada 21 dan 28 Disember 2024 di Kompleks Akademik A telah menarik kehadiran luar biasa, dengan 800 peserta berbanding sasaran asal sebanyak 300 orang. Sebanyak 20 reruai jualan menyajikan pelbagai pilihan makanan dan minuman seperti nasi lemak, sandwich, dan teh o ais.

Menurut Pengarah Projek, kecekalan dan kreativiti mahasiswa menjadi kunci kejayaan acara ini. "Pelajar menunjukkan semangat luar biasa dengan mempromosikan jualan secara kreatif di kawasan strategik kampus dan luar," katanya.


Pengalaman ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk menguruskan persiapan reruai, menyusun atur peralatan, dan mempelajari strategi promosi. Keuntungan daripada jualan ini juga membantu menampung perbelanjaan harian pelajar.

Majlis Apresiasi Usahawan Siswa: Mengiktiraf Kejayaan

Pada 29 Disember 2024, Dewan PKPP UPM menjadi saksi kepada Majlis Apresiasi Usahawan Muda 2024, yang dihadiri seramai 71 peserta. Majlis ini menghargai usaha keras mahasiswa dalam aktiviti pemasaran dan jualan sepanjang semester.

Antara acara menarik adalah persembahan kreatif oleh tujuh kumpulan pelajar, termasuk drama, nyanyian, dan quiz show. Setiap kumpulan telah menerima hamper sebagai penghargaan. Selain itu, Anugerah Highest Sales diberikan kepada Kumpulan 6 yang terdiri daripada Kung E Shiuan, Pek Yoke Lan, Cuneapen Yashini, dan Chee Xuan.

"Pengiktirafan ini sangat bermakna dan memberi motivasi kepada kami untuk terus berusaha," kata seorang penerima anugerah.



QKH2104 Usahawan Siswa | Teras Keusahawanan
 Fasilitator : En. Muhammad Arif Rajab & Pn. Farah Amiera Abu Bakar

120 Peserta Serlahkan Keceriaan dalam *Colour Run* UPM

Oleh: Nursyaza Zaidi

Serdang 21 Disember 2024 – Seramai 120 pelajar IPTA/IPTS serta komuniti setempat telah menyertai program *Colour Run* yang berlangsung di Padang Serbaguna Kolej 10, UPM dengan tujuan memupuk kesedaran peserta terhadap kepentingan menjaga kesihatan tubuh badan dari segi fizikal mahupun mental.

Program ini telah dianjurkan oleh pelajar semester pertama Kursus Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 11 dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar serta Akademi Sukan, UPM bagi menyediakan platform aktiviti sihat yang bersesuaian kepada para peserta.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Azizul Hakeem bin Hazlee Effenddy, program ini bukan sahaja memberi ruang kepada peserta untuk beriadah tetapi mereka juga boleh berseronok bersama rakan-rakan sepanjang program dijalankan.

"*Colour Run* ini sememangnya aktiviti yang menyeronokkan untuk disertai bersama rakan-rakan kerana sambil bersuka ria, aktiviti ini secara tidak langsung menyuntik semangat untuk menjaga kesihatan dalam diri mereka," ujar beliau ketika ditemui selepas program tersebut.

Program ini bermula seawal jam lapan (8) pagi dengan sesi pemanasan badan yang diikuti dengan larian sejauh lima (5) kilometer di sekitar padang serbaguna itu, di mana peserta diserikan dengan lontaran serbuk warna-warni sebagai simbolik keceriaan di sepanjang laluan.

Di penghujung program, sesi penyampaian hadiah diadakan untuk kesemua pemenang yang berjaya menamatkan larian dengan cemerlang, diikuti dengan sesi cabutan bertuah yang menyediakan pelbagai saguhati menarik kepada peserta lain untuk dibawa pulang.

"Ia merupakan pengalaman yang sangat berharga bagi saya sebagai seorang pelajar semester pertama di UPM dan saya pasti akan menyertainya lagi jika berkesempatan pada masa akan datang," kata Sheryl Hana Binti Suhaifuddin, salah seorang peserta program "*Colour Run*".

Pihak penganjur berharap program seperti ini dapat dianjurkan lagi sebagai tanda sokongan terhadap kesedaran menjaga kesihatan di kalangan mahasiswa dan komuniti setempat



Mahasiswa Tahun 1 berjaya menganjurkan Bengkel Asas Bahasa Isyarat Malaysia di Dewan Putra PKPP, UPM

Oleh : Nur Amalina binti Babah

Serdang, 22 Disember 2024 - Bengkel Asas Bahasa Isyarat Malaysia 2024 telah diadakan di Dewan Putra PKPP, Universiti Putra Malaysia (UPM) anjuran Bakti Siswa Kumpulan 8 dan Kumpulan 11, Semester I, Sesi 2024/2025 dengan kerjasama Persekutuan Orang Pekak Malaysia. Bengkel ini telah disampaikan oleh Cik Nur Saadah binti Zulkifli, Koordinator Unit Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia dan Puan Suriati binti Mohamad Shukur yang merupakan jurubahasa Bahasa Isyarat Malaysia.

Koordinator Unit Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia, Cik Nur Saadah berkata "Bengkel Bahasa Isyarat dapat meyakinkan pelajar bahawa mempelajari bahasa isyarat adalah perkara yang seronok dan bermanfaat". Dengan pendekatan interaktif dan menyeronokkan, bengkel seperti ini dapat mencetuskan minat dalam kalangan pelajar, sekaligus membantu menghapuskan stigma atau salah faham terhadap komuniti kurang upaya pendengaran.

"Tak kenal maka tak cinta," tambah beliau. Pengalaman secara langsung seperti ini dapat membentuk keperibadian pelajar yang lebih prihatin, bertoleransi dan bertanggungjawab dalam menyokong golongan kurang upaya pendengaran. Ia juga mencetuskan kesedaran bahawa setiap individu berhak untuk didengar, difahami dan diterima dalam masyarakat. Dengan mempelajari dan memahami bahasa isyarat, maka cinta dan keinginan untuk membantu pasti akan mekar.

Mahasiswa boleh menjadi perantara komunikasi bagi mereka yang memerlukan bantuan, terutamanya golongan Orang Kurang Upaya dengan memahami cabaran yang dihadapi oleh orang pekak. Selain itu, mahasiswa yang peka terhadap kepelbagaian keperluan setiap individu dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih empati. Mereka juga dapat menyumbang kepada peningkatan kesedaran awam mengenai cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU, dan seterusnya membantu mewujudkan persekitaran yang lebih mesra OKU.

Masyarakat Malaysia seharusnya didedahkan dan diberi peluang untuk mempelajari bahasa isyarat bagi meningkatkan kesedaran terhadap keperluan dan kebajikan Orang Kelainan Upaya (OKU). Bengkel ini membuka peluang bagi peserta untuk mengenal pasti penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia yang betul. Modul yang diajar termasuk ejaan, perbendaharaan kata bagi keluarga, warna dan tempat serta teknik asas komunikasi menggunakan isyarat tangan.

Bengkel Bahasa Isyarat ini bukan sekadar peluang untuk mempelajari bahasa baharu, malah sebuah jendela untuk menyelami dimensi kehidupan yang berbeza. Ayuh sertai bengkel ini dan menjadi ejen perubahan ke arah pembentukan masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni. Meskipun kesedaran terhadap kepentingan bahasa isyarat kian meningkat, masih ramai yang belum mengiktirafnya sebagai medium komunikasi rasmi. Justeru, melalui platform seperti ini, diharapkan masyarakat dapat lebih menyedari hak dan martabat golongan kurang upaya pendengaran, seterusnya mencipta sebuah persekitaran yang mesra, inklusif, dan penuh empati.



QKH2104 Usahawan Siswa / Teras Keusahawanan
Fasilitator : En. Muhammad Arif Rajab & Pn. Farah Amiera Abu Bakar

Bakti Ummah : Perkasa Nilai Tanggungjawab Sosial dan Fardhu Kifayah

Oleh: Aisah Abdullah

Serdang ,21 & 22 Disember 2024- Bertemakan "Syiar Islam, Tanggungjawab Bersama" satu program bertajuk Bakti Ummah 2024 telah diadakan oleh pelajar kursus kokurikulum berkredit Pengurusan Masjid (QKW2110) Kumpulan 1 dengan kerjasama pihak Kelab Tarbiah Dakwah Canselor, Majlis Perwakilan Kolej Canselor bertempat di Surau Kolej Canselor dan Dewan Sri Pulasan yang bertujuan untuk memantapkan kerohanian diri dalam masyarakat terutamanya yang melibatkan komuniti sejangat.



Pengarah bagi program ini, Encik Ku Muhammad Hidayat Bin Ku Marani menyatakan bahawa program ini diadakan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mendedahkan tentang tanggungjawab sosial dan juga satu fardhu kifayah yang menjadi kewajiban yang perlu dilaksanakan oleh setiap Muslim kerana mendalami ilmu agama adalah amalan yang dilakukan sehingga hujung nyawa seseorang.

Program yang berlangsung pada 21 dan 22 Disember lepas telah mendapat sambutan yang agak meriah dengan kehadiran pelajar serta masyarakat setempat seramai 60 orang sekaligus telah menjayakan program pengurusan jenazah dengan mempraktikkan cara mengurus jenazah secara simulasi dan serta telah membaik pulih Surau Kolej Canselor dengan membersihkan dan mengecat surau tersebut bagaikan memberikan nafas baharu kepada jemaah-jemaah yang hadir ke surau tersebut.



Seterusnya, turut hadir bagi memurnikan majlis penutupan program ini Pengetua Kolej Canselor sendiri, YBrs. Ts. Dr. Syed Agil bin Shekh Alsagoff yang dirasmikan oleh Fasilitator Pengurusan Masjid Kumpulan 1, Encik Nik Mohamad Ridhwan Bin Nik Nasrudin yang diwakili oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP).

Disamping itu, meski hanya sebuah program berteraskan keagamaan namun pihak penganjur dengan besar hati memberikan hadiah kepada para peserta yang terlibat dalam aktiviti pengukuhan berdasarkan pengurusan jenazah yang telah disampaikan oleh penceramah Pusat Islam Universiti Putra Malaysia, Encik Muhammad Norhisyam Bin Nordin.

Akhir sekali, harapan yang dititipkan kepada semua yang terlibat dalam program ini agar tanggungjawab sesama masyarakat tidak dilupakan meski kepesatan arus zaman telah merenggangkan interaksi masyarakat kerana kita bagaikan aur dengan tebing yang saling memerlukan antara satu sama lain.



Pengarah Filem Don Dukun Tampil di Bengkel Filem UPM

Oleh: Amirul Hakim Mohd Azwan

Serdang, 28 Disember 2024 – Industri lakon layar dan filem yang berkembang pesat di tanah air ini telah menanam minat yang mendalam dalam masyarakat kini untuk menceburi bidang tersebut kerana banyak drama siri, filem yang berkualiti telah dihasilkan dan disiarkan di kaca television, pawagam atau media sosial.

Justeru itu, Pengarah filem pecah panggung baru-baru ini yang bertajuk Don Dukun, Encik Waan Hafiz telah dijemput sebagai panel untuk program Bengkel Asas Kepimpinan Lakon layar dan Filem bagi berkongsi ilmu tentang dunia perfileman khususnya mengenai penulisan skrip.

Program yang dianjurkan oleh mahasiswa kursus inovasi dan reka cipta Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM pada 28 Disember 2024 yang lalu telah berjaya menarik seramai hampir 100 mahasiswa UPM yang mempunyai minat dalam dunia filem untuk menghadiri program ini bagi mendengarkan ceramah dari Encik Waan Hafiz lalu merasai pengalaman dalam menulis skrip sendiri melalui aktiviti yang dijalankan.

Pengarah program ini saudara Hakimi berasa bangga kerana program yang dianjurkan ini berjaya mencapai objektif beliau,

"Saya amat bangga dengan pelaksanaan program ini kerana objektif program tercapai iaitu kita ingin memperkenalkan kepada komuniti dan pelajar tentang asas kepimpinan dalam lakon layar dan tele filem di mana kita berusaha untuk mencungkil bakat baharu sebagai pelapis dalam industri kreatif negara untuk masa depan.

Panel bagi program ini Encik Waan Hafiz berkata, bahawa beliau amat gembira kerana dapat menghadiri program ini dan berkongsi ilmu dengan para peserta.

"Saya amat berbesar hati kerana dijemput untuk berkongsi ilmu di bengkel ini dan saya harap ilmu yang saya kongsi pada hari ini dapat membantu sedikit sebanyak dalam mencapai impian peserta yang hadir.

Qyra salah seorang peserta bagi program ini juga meluahkan rasa seronok dapat menghadiri program yang cukup menarik ini

"Saya rasa amat gembira kerana dapat menghadiri program ini kerana dapat menimba ilmu baharu daripada salah seorang pengarah filem yang terbaik di Malaysia iaitu Encik Waan Hafiz dan saya juga rasa bersyukur kerana dapat memenangi pelakon wanita terbaik dalam aktiviti di program ini.



QK12101 Inovasi dan Reka cipta | Teras Daya Usaha & Reka cipta | Fasilitator : Pn. Marlina Ismail & En. Mohd Sufian Ismail

Bakti 'Hopesoap' Merapat Jurang antara Generasi

Oleh: Muhamad Towa

Serdang, 21 & 22 Disember 2024 :- Dengan perkembangan ekonomi, kita dapat melihat kekurangan perkembangan dari aspek sosial. Jurang antara generasi semakin ketara, termasuklah antara golongan warga emas dan generasi muda. Sebagai inisiatif untuk mengatasi masalah ini, baru-baru ini, program Bakti HOPESOAP yang dianjurkan di Institut Penuaan Malaysia (MyAgeing) dilaksanakan terutamanya bagi warga emas dan generasi muda untuk merapatkan jurang antara generasi.

Justeru, seramai 50 peserta dari pelbagai latar belakang, terlibat dalam aktiviti Bakti HOPESOAP yang dianjurkan oleh pelajar UPM yang mengambil Kursus Bakti Siswa, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar. Program ini dapat merapatkan jurang antara generasi dengan pendekatan yang kreatif dan interaktif. Peserta berpeluang untuk belajar proses membuat sabun, dan berkongsi cerita dan pengalaman hidup, yang dapat memupuk hubungan lebih erat antara golongan muda dan warga emas.

Pengarah Program, Nurul Fathihah Rizal berkata, usaha ini dijalankan atas keprihatinan pihak komuniti dan juga MyAgeing terhadap masalah sosial dan inisiatif yang diambilnya.

"Objektif program komuniti kita tercapai, dimana kita dapat meningkatkan interaksi antara golongan muda dan warga emas untuk membina hubungan yang lebih erat dan menghargai perbezaan generasi.

"Seterusnya, program yang anda semua laksanakan ini adalah suatu usaha murni yang mencerminkan kesungguhan usaha anda, dan ia juga dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa dan benar-benar berkualiti serta akan dapat berkhidmat dengan penuh dedikasi ke arah membangun negara." katanya.



Menariknya, hasil kreativiti sabun buatan dari program Bakti HOPESOAP ini, dijadikan suguhati untuk peserta membawa pulang dan menggunakannya.

Seorang peserta muda, Meor Ahmad Iman, meluahkan rasa terujanya terhadap program ini. "Saya gembira dapat sertai aktiviti ini. Selain dapat mempelajari kemahiran baru, saya dapat mendengar pengalaman hidup dari warga-warga emas. Ini sudah membuka mata saya tentang kepentingan menghormati dan memahami antara generasi," katanya.

Selain itu, program ini turut mendapat sambutan komuniti setempat yang telah menyertai dan memberi sokongan moral dan mental.

Program Bakti HOPESOAP di MyAgeing ini membuktikan bahawa usaha kecil boleh membawa impak besar dalam membina hubungan yang lebih erat antara generasi. Diharapkan program ini dapat diteruskan dan diperluaskan ke kawasan lain demi memperkukuh ikatan masyarakat.

Karnival ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad.

UPM Jayakan Program Sofbol Bersama Alumni: Erat Hubungan, Semai Semangat Kebersamaan

Oleh : Yumni Najihah Binti Ramly :

Serdang, 22 Disember 2024 – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memperkukuh hubungan erat antara mahasiswa dan alumni menerusi penganjuran Program Softball Legend Alumni @ Homecoming XII 2024 yang berlangsung meriah di Padang Sofbol dan Bola Sepak C, Kampus Serdang. Program anjuran Kolej Canselor ini diketuai oleh Mirza Syah Bin Mohd Aris, dan menghimpunkan penyertaan aktif mahasiswa serta alumni daripada pelbagai latar belakang dan bidang. Kehadiran mereka menjadikan acara ini bukan sahaja sebagai medan pertemuan semula, tetapi juga platform membina jaringan yang bermanfaat.

Penganjuran ini turut menampilkan elemen pembelajaran apabila peserta didedahkan kepada asas permainan sofbol, termasuk teknik, strategi dan pemahaman peraturan sukan tersebut. Aktiviti yang disusun menekankan aspek kerjasama berpasukan dan semangat kesukanan, seiring dengan nilai-nilai yang diterapkan dalam kursus pembangunan diri dan kokurikulum di UPM. Melalui pendekatan ini, minat mahasiswa terhadap sukan sofbol berjaya dipupuk dalam suasana santai namun berimpak tinggi.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ts. Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff, Pengetua Kolej Canselor, dan Prof. Madya Dr. Siti Aqlima Ahmad, Pengarah Perhubungan Alumni, selaku tetamu kehormat, yang memberikan sokongan penuh terhadap usaha membina hubungan dua hala antara mahasiswa dan alumni. Kehadiran mereka bukan sahaja mengangkat martabat program, tetapi juga menyuntik motivasi kepada peserta yang hadir untuk terus komited menyumbang kepada pembangunan universiti melalui pelbagai cara.

Secara keseluruhan, program ini membuktikan bahawa sukan mampu menjadi medium penyatuan yang efektif. Ia berjaya menyemarakkan semula semangat kebersamaan dalam kalangan warga UPM, di samping memperkukuh jati diri sebagai sebahagian daripada komuniti universiti yang progresif dan inklusif. Tradisi seperti ini wajar diteruskan sebagai sebahagian daripada usaha membina generasi yang menghargai warisan dan menyumbang kepada kecemerlangan almamater.





Jom Teater 2024: Pentas Kreativiti, Aspirasi dan Jati Diri Mahasiswa



Oleh : Muhammad Irshad Bin Nor Azhar

Serdang, 21 & 22 Disember 2024 – Teater, sebagai cerminan kehidupan, menjadi medium penyampaian emosi, mesej dan cerita yang sarat nilai kemanusiaan. Bertitik tolak daripada pemahaman ini, Program Jom Teater 2024 telah dianjurkan oleh pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit Teater dan Drama Pentas (QKB2103) Kumpulan 1 dan 2, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memupuk jati diri, semangat kerja berpasukan dan apresiasi terhadap seni persembahan.

Bertempat di Dewan Seri Bendahara, Kolej Pendeta Zaba, program selama dua hari ini mengetengahkan dua aktiviti utama iaitu Asas Teater dan Drama Muzikal. Kedua-dua segmen ini memberikan ruang kepada para pelajar

untuk mengasah bakat, menimba pengalaman serta membina keyakinan dalam bidang seni pentas. Pementasan karya pelajar turut menjadi platform menggambarkan realiti kehidupan mahasiswa, aspirasi serta cabaran yang mereka hadapi.

Program ini diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat antaranya En. Fahmi Azar Mistar, Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar & Pentadbiran), Puan Flora Ilyana Othman, Fasilitator Khas Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB), Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), UPM serta En. Amarreza Zainal Abidin, Pensyarah Teater dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), UPSI. Seramai 70 orang pelajar QKB2103 bertindak sebagai fasilitator dan jawatankuasa program, manakala dua fasilitator turut dijemput sebagai penceramah.

Dalam aktiviti Asas Teater, peserta didedahkan dengan teknik-teknik lakonan seperti pergerakan, ekspresi wajah, penggunaan suara dan improvisasi. Latihan berkumpulan turut diterapkan sebagai asas kepada kerjasama dan kreativiti dalam membentuk skrip, membina karakter serta mengolah cerita yang berkesan untuk pementasan. Elemen ini membina bukan sahaja kemahiran teknikal, malah keyakinan dan keupayaan komunikasi dalam kalangan pelajar.

Sementara itu, segmen Drama Muzikal yang dikendalikan oleh En. Amarreza Zainal Abidin dan En. Azerai Azmi, menggabungkan elemen lakonan, nyanyian dan tarian dalam satu persembahan menyeluruh yang dinamik dan penuh warna. Pelajar dididik untuk mengekspresikan emosi dan mesej secara serentak melalui muzik dan pergerakan yang harmoni, menjadikan keseluruhan persembahan lebih mengesankan dan menyentuh jiwa.

Secara keseluruhan, Program Jom Teater 2024 bukan sahaja memperkasakan pelajar dalam bidang seni persembahan, tetapi turut menyemai nilai kerjasama, disiplin, dan penghargaan terhadap budaya dan warisan seni tanah air. Program ini membuktikan bahawa seni bukan sekadar hiburan ia adalah wadah pembangunan insan dan pemangkin pembinaan sahsiah mahasiswa berdaya saing.



QKB2103 Teater dan Drama Pentas | Teras Kebudayaan
Fasilitator : Mohd Azuar Hamizan Rahman & Dr. Azerai Azmi





Putra Foodie Fiesta 2024 Meriahkan UPM, Usahawan Siswa Tunjuk Bakat Niaga

Oleh : Nurul Izzah Binti Md Zamri

Serdang, 22 Disember 2024 – Putra Foodie Fiesta 2024 (FoodFes '24) telah berlangsung dengan meriah pada 21 dan 22 Disember 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), menampilkan pelbagai aktiviti menarik yang memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Program yang dianjurkan oleh pelajar kursus Usahawan Siswa QKH2104 Kumpulan 3 ini menjadi platform bagi perniagaan kecil serta memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang kemahiran pengurusan melalui pengalaman sebenar.

Bertemakan "Inspirasi Rasa, Transformasi Usahawan", FoodFes '24 menampilkan bazar jualan, bengkel keusahawanan, serta pelbagai aktiviti interaktif, termasuk pertandingan masakan dan sesi perkongsian pengalaman oleh usahawan berjaya. Sepanjang dua hari penganjuran, program ini berjaya menarik 400 pengunjung termasuk pelajar, pensyarah, dan masyarakat sekitar.

Menurut salah seorang peserta, program ini bukan sahaja membantu mereka mengasah kemahiran berniaga tetapi juga membina keyakinan dalam mengurus perniagaan kecil



"Ini adalah pengalaman yang sangat berharga kerana kami dapat mempraktikkan teori perniagaan secara langsung. Dari aspek pemasaran, pengurusan kewangan hingga berinteraksi dengan pelanggan, semuanya memberi pendedahan berguna kepada kami," kata salah seorang peniaga mahasiswa yang menyertai bazar jualan.

Selain itu, bengkel keusahawanan yang diadakan turut memberi input berguna kepada peserta tentang strategi pemasaran digital dan pengurusan perniagaan. Sesi perkongsian bersama usahawan berjaya juga memberi inspirasi kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Program ini mendapat sambutan hangat dan diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menyemai budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.

Dengan kejayaan Putra Foodie Fiesta 2024, UPM terus membuktikan komitmennya dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berdaya saing dalam dunia keusahawanan.

'Bead It Your Way: Stringing Memories' – Menyulam Kreativiti, Menyemai Budaya

Oleh : Guo Yi & Liu Sham Tong

Serdang, 28-29 Disember 2024 – Dewan Putra dan Bilik Seminar 4, Kompleks Akademik A UPM bergema dengan semangat seni dan kreativiti apabila para pelajar kursus QKH2102 Kumpulan 1 menganjurkan satu program istimewa bertajuk "*Bead It Your Way: Stringing Memories*". Program ini bertujuan bukan sahaja untuk memupuk kemahiran seni kraftangan, tetapi juga menyemai kecintaan terhadap warisan budaya melalui sentuhan moden.

Dijalankan selama dua hari, program ini menghimpunkan pelbagai aktiviti menarik seperti bengkel pembuatan aksesori manik, demonstrasi membuat lilin aromaterapi, pameran seni kraftangan moden, serta jualan produk hasil tangan pelajar sendiri. Menariknya, program ini turut disertai oleh warga UPM serta pengunjung luar bagi merasai pengalaman dunia kraftangan secara lebih dekat.

Salah satu acara kemuncak adalah *Candle-Making Talk* yang memperkenalkan peserta kepada dunia lilin beraroma. Ia merangkumi teknik asas, trend pasaran, serta elemen terapi yang terkandung dalam setiap titisan aroma yang dihasilkan. Bengkel ini memberi peluang kepada peserta menghasilkan lilin mengikut citarasa dan personaliti mereka sendiri.

Program ini turut menyaksikan sambutan hangat terhadap Pameran Kraftangan Moden yang mempamerkan karya pelajar seperti *Clay Keychain*, *Resin Bookmark*, *Coaster Resin*, serta bunga *Chenille* yang halus. Pelajar bertindak sebagai pemandu pameran, menerangkan proses dan bahan yang digunakan, sekali gus melatih kemahiran komunikasi dan keyakinan diri.

Aspek keusahawanan juga tidak diketepikan apabila pelajar mengadakan jualan hasil kraftangan mereka. Inisiatif ini memberi pendedahan langsung kepada dunia perniagaan kecil-kecilan serta meningkatkan nilai produk tempatan kepada khalayak lebih luas.

Majlis penutup disempurnakan oleh Ts. Dr. Rozzamri Ashari dan turut dihadiri oleh Encik Mohd Shah Rizan bin Mohd Zain dan fasilitator kursus, Encik Faiz bin Mohamed Yunus. Ucapan penghargaan dan tayangan montaj program menghidupkan kembali momen sepanjang dua hari tersebut. Beberapa peserta turut menerima anugerah bagi hasil kraftangan terbaik pilihan pengunjung.

Dengan penglibatan 35 orang pelajar, program ini membuktikan keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam melahirkan graduan yang seimbang dari segi sahsiah, kreativiti dan kemahiran insaniah. Ia bukan sahaja mengangkat seni sebagai medium ekspresi diri, malah menyumbang kepada kelestarian budaya tempatan di era moden.



Ahli Klover UPM Menyemai Semangat Kesukarelawanan dalam Program Khidmat Komuniti

Oleh : Ain Shafila

Serdang, 29 Disember 2024 – Komponen perkembangan diri seperti intelek, rohani, emosi dan fizikal dilihat semakin berkurangan dalam kalangan pelajar masa kini. Jadual yang padat serta tekanan emosi menyebabkan mereka semakin jarang melibatkan diri dalam program-program yang mampu mengembalikan keseimbangan komponen tersebut.

Sehubungan itu, pelajar Tingkatan 6 SMK Bukit Gading bersama ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Selangor telah mengikuti program khidmat komuniti dan perkhemahan selama tiga hari dua malam bagi mengukuhkan lagi ikatan sesama ahli Pandu Puteri.

Walaupun program khidmat komuniti sering dianjurkan, penganjuran kali ini tampil dengan keunikan tersendiri apabila diselitkan aktiviti seperti pembuatan Eco Enzyme dan penghasilan produk kacang bersalut. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar mempelajari pengetahuan baharu yang memberi faedah dan boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Menurut Pengarah Program, Nur Alia Ilyany, program sebegini bukan sahaja memberi impak positif kepada peserta, malah berpotensi mengangkat nama universiti melalui penganjuran aktiviti kesukarelawanan berkualiti.

“Sebagai mahasiswi UPM, saya dapat melihat dan merasai sendiri bahawa banyak aktiviti seperti ini telah dianjurkan sebelum ini, namun kurang mendapat sambutan kerana tidak diselitkan unsur yang menghiburkan. Bagi anak muda seperti kami, aktiviti sebegini menjadi ruang untuk seketika 'lari' daripada tekanan akademik dan menghilangkan stres ketika belajar,” katanya.

Fasilitator Khas yang dijemput merasmikan Majlis Penutup Khidmat Komuniti dan Perkhemahan Pandu Puteri Klover 6.0. Cik Norsyazila Abdul Rahim, turut menyatakan sokongan terhadap penganjuran program ini.

“Khidmat komuniti ini bukan sahaja satu tanggungjawab sosial, tetapi juga satu penghormatan apabila kita membantu mereka yang memerlukan. Kita bukan sahaja membawa perubahan positif kepada komuniti, tetapi turut memperkayakan diri dengan pengalaman berharga sepanjang bersama peserta,” katanya.

Secara keseluruhan, program ini memberi peluang kepada pelajar mendekati masyarakat, memahami keperluan mereka dan menyumbang dengan penuh dedikasi. Usaha sebegini diyakini dapat melahirkan generasi pelajar yang berharga, berjasa dan lebih peka terhadap tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat.



Pelajar UPM Mengeratkan Jalinan Komuniti di Pusat Jagaan Warga Emas

Oleh : Muhammad Nabil Bin Nasrudin

Serdang, 29 Disember 2024- Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat peningkatan sebanyak hampir 20% kes penderaan dan pengabaian ibu bapa oleh ahli keluarga mereka sendiri dan jika dilihat dari perspektif global pula, kajian terbitan Lancet Global Health telah membuktikan bahawa 16% warga emas daripada 28 buah negara telah mengalami pengabaian dan penderaan sama ada dalam bentuk fizikal, mental mahupun kewangan.

Penubuhan pusat jagaan merupakan salah satu inisiatif komuniti bagi menunjukkan keprihatinan terhadap isu yang membangkitkan ini dengan melindungi dan membela insan-insan yang kurang bernasib baik tersebut khususnya golongan warga emas.

Justeru, seramai 40 orang pelajar prasiswazah tahun pertama UPM telah menyertai Program Senyuman Warga Emas Bersama UPM baru-baru ini yang juga melibatkan hampir 80 orang penyetap Pusat Jagaan al-Fikrah yang majoritinya adalah dari golongan warga emas.

Program ini dapat dilihat sebagai salah satu inisiatif para pelajar untuk menjalin ikatan silaturahim bersama komuniti setempat selain meningkatkan kesejahteraan emosi para penyetap pusat jagaan dengan kehadiran dan perhatian daripada pelawat.

Pengarah program, Dushan Thanasegar berkata bahawa pelaksanaan program ini adalah sebagai medium yang dapat menjalin ikatan rahim antara pelajar dan penyetap pusat jagaan.

"Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga emas di Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, Kajang dan mahasiswa universiti agar dapat meningkatkan pengalaman warga emas untuk berinteraksi secara baik dengan pelajar universiti."

Beliau juga menegaskan bahawa program ini mampu meningkatkan tahap kesedaran masyarakat khususnya pelajar universiti terhadap kebajikan dan keperluan penyetap pusat jagaan lebih-lebih lagi golongan warga emas

Tambahnya, "Dari program ini juga, diharapkan agar kesedaran masyarakat terhadap keperluan warga emas akan meningkat, menjadikan mereka lebih dihargai dan dihormati di dalam komuniti."

Program ini juga dilihat dapat memberi impak dan kesan positif secara langsung terhadap diri para pelajar khususnya yang melibatkan diri dalam menjayakan Program Senyuman Warga Emas Bersama UPM ini.

Menurut Ahmad Abu Dzar bin Abdul Latiff, salah seorang pelajar yang turut serta dalam menjayakan program ini, program ini memberikan banyak pengalaman baharu yang amat memberi impak kepada kehidupan sehariannya.

Katanya, "Program khidmat masyarakat di pusat jagaan ini memberikan pengalaman yang sangat bermakna. Sepanjang aktiviti ini, kami berpeluang untuk berinteraksi dengan penghuni di sini dan mendengar kisah hidup mereka. Kami menyedari betapa pentingnya kehadiran serta perhatian untuk mengurangkan rasa sunyi yang sering mereka rasai.

Tambahnya lagi, program yang mengangkat kebajikan masyarakat sekitar khususnya golongan penyetap pusat jagaan seperti ini patut dijadikan contoh dan dapat diadakan secara berterusan dengan lebih kerap dalam skala yang lebih besar.

Menurutnya lagi, "Kami berharap program seperti ini dapat dijalankan secara berterusan dan melibatkan lebih ramai sukarelawan dari pelbagai lapisan masyarakat. Dengan usaha yang bersepadu, kami percaya lebih banyak bantuan dapat diberikan, bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi juga sokongan emosi."

Di samping itu juga, wang tunai sebanyak RM4000 telah berjaya diperolehi bagi menjayakan program ini hasil daripada kutipan dan sumbangan Ikhlas masyarakat sekitar yang prihatin terhadap kebajikan dan keperluan para penyetap pusat jagaan tersebut.

Realitinya, program kebajikan seperti ini memerlukan dana yang amat besar serta usaha yang bersepadu antara setiap pihak yang terlibat bagi mencapai matlamat yang diharapkan secara tidak langsung menjadikan program ini mustahil untuk dijalankan tanpa adanya kerjasama dan sumbangan-sumbangan daripada pihak yang amat bertimbang rasa dan prihatin terhadap masyarakat.



Dari Kampus ke Komuniti: Inspirasi Budi Madani

Oleh : Faizah Fuzai Dan Nurin Syazwani



Putrajaya, 4–5 Januari 2025 – Seramai lebih 40 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada Kursus Kokurikulum Berkredit Bakti Siswa, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), telah melaksanakan Program Budi Madani di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta penglibatan guru-guru dan murid intervensi sekolah tersebut.

Program komuniti selama dua hari ini mengetengahkan tema "Mahasiswa Aspirasi Masyarakat Gemilang", yang menekankan peranan mahasiswa sebagai agen perubahan dan penyumbang kepada pembangunan masyarakat. Objektif utama program adalah untuk menyantuni murid intervensi berumur 7 hingga 9 tahun melalui pelbagai aktiviti berimpak tinggi serta memupuk nilai kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa.



Hari pertama program dimulakan dengan aktiviti sukaneka melibatkan pelajar UPM, murid sekolah serta guru dan ibu bapa. Sukaneka dijadikan platform untuk membina hubungan mesra dan meningkatkan keyakinan murid dalam suasana santai. Seterusnya, aktiviti diteruskan dengan bimbingan bacaan, latihan pengukuhan dan didik hibur bagi menggalakkan pembelajaran yang menyeronokkan tanpa tekanan. Kaedah yang interaktif ini terbukti menarik minat murid dan memberi kesan positif terhadap tumpuan mereka.

Hari kedua pula menumpukan kepada aktiviti gotong-royong seperti menceriakan laluan pejalan kaki, menyusun semula stor sukan, mengemaskini bilik pemulihan dan menaik taraf papan kenyataan sekolah. Aktiviti ini bukan sahaja memperindah kawasan sekolah, malah memperkukuh semangat kerjasama antara pelajar UPM dan komuniti sekolah.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Puan Hasnah Binti Isnon, Penolong Kanan Pentadbiran SK Putrajaya Presint 16(1). Beliau menyatakan penghargaan atas usaha mahasiswa UPM dan menyifatkan program ini sebagai sejajar dengan misi sekolah dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyeluruh. Beliau turut menyifatkan penglibatan mahasiswa sebagai bukti peranan aktif institusi pengajian tinggi dalam membangun masyarakat secara langsung.

Secara keseluruhan, Program Budi Madani berjaya mencapai objektifnya dengan baik. Ia bukan sahaja memberi impak positif kepada murid-murid sekolah, malah turut membina jati diri, kepimpinan, dan nilai kemasyarakatan dalam kalangan mahasiswa UPM. Program sebegini wajar diteruskan dan diperluaskan lagi agar jalinan antara universiti dan komuniti terus diperkukuh demi pembangunan insan yang seimbang dan cemerlang.



QKK2101 Bakti Siswa | Teras Khidmat Komuniti | Fasilitator : Pn. Siti Rahmah Omar



Pelajar UPM Laksana Program Khidmat Komuniti di Sekolah Tunas Bakti

Oleh : Nurul Nadia Nasiman

Sungai Besi, 5 Januari 2025 – Seramai 40 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) Kursus Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 4 telah melaksanakan program khidmat komuniti *"The Future Starts with You"* selama dua hari di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, yang merupakan Institusi Pemulihan Kanak-kanak bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang peluang kerjaya, membentuk sifat positif, dan membangunkan keyakinan diri. Aktiviti dimulakan dengan sesi suai kenal yang ceria, bertujuan mewujudkan suasana mesra antara kanak-kanak dan fasilitator.

Antara aktiviti menarik yang dikendalikan oleh pelajar UPM ialah kelas kemahiran menggunakan perisian Canva untuk rekaan grafik, memasak 'ramen roll', pengenalan asas bahasa Mandarin, bengkel membuat sabun, serta asas pertolongan cemas. Aktiviti-aktiviti ini dirangka untuk memperkaya pengalaman kanak-kanak dengan kemahiran praktikal dan memberi pandangan lebih luas terhadap pelbagai pilihan kerjaya.

Maklum balas positif diterima daripada kanak-kanak di Sekolah Tunas Bakti. "Program ini membuka mata kami terhadap pelbagai kemahiran tambahan. Ia membantu kami memanfaatkan masa lapang dengan aktiviti berfaedah yang tidak pernah kami bayangkan sebelum ini," kata salah seorang peserta. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja membantu mereka belajar kemahiran baru tetapi juga memberi inspirasi untuk membina masa depan yang lebih cerah.

Pengarah Program ini berharap program seperti ini memberi impak positif kepada pelajar UPM dan Kumpulan kanak-kanak tersebut. "Kami berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan untuk memberi manfaat kepada lebih ramai kumpulan sasaran di seluruh negara," katanya.



UPM Nyalakan Semula Jiwa Takraw Dalam Diri Anak Muda

Serdang, 11 Januari 2025- Isu sukan takraw semakin kurang mendapat perhatian dalam kalangan anak muda zaman kini akibat daripada pengaruh persekitaran dan juga kecanggihan teknologi, jika dibiarkan, sukan ini akan mengalami kepupusan di tempat lahirnya sendiri.

Justeru, seramai 33 orang pelajar yang mengambil kursus QKS2109 Sepak Takraw, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Klinik Asas Sepak Takraw untuk mencungkil bakat baharu dalam sukan sepak takraw ini dalam kalangan generasi muda.

Pengarah Program, Muhammad Syazwan Hakim bin Kamaruddin berkata, "Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada masyarakat untuk mempelajari asas permainan sukan sepak takraw, dengan harapan kita dapat mencungkil bakat baharu dalam kalangan generasi muda terhadap sukan tradisional kita".

Tambahnya lagi, "Program ini telah berjaya mengumpulkan seramai hampir 60 orang pelajar dari sekolah rendah dan menengah untuk bermain sukan ini, meskipun sebahagian besar daripada mereka tidak pernah mencuba bermain sukan ini sejak kecil".

Para peserta klinik asas ini didedahkan tentang teknik teknik khas sepak takraw oleh pemain takraw yang sangat handal dan berpengalaman iaitu Najmi Syahfiq Anuar dan Khairul Hafifi Tajudin, kedua-dua pemain ini sudah pun melakar nama di peringkat negara dan antarabangsa dalam sukan Sepak Takraw.

Antara kemahiran asas yang diajarkan dalam klinik ini ialah sepak sudu, sepak sila, memeha, menanduk. Para peserta klinik asas ini didedahkan tentang teknik teknik khas sepak takraw oleh pemain takraw yang sangat handal dan berpengalaman iaitu Najmi Syahfiq Anuar dan Khairul Hafifi Tajudin, kedua-dua pemain ini sudah pun melakar nama di peringkat negara dan antarabangsa dalam sukan Sepak Takraw.

Najmi berkata "Saya melihat adik-adik di hadapan saya mempunyai sudah mempunyai asas skil yang mantap, terutamanya pada pelajar sekolah menengah, saya harap mereka mampu teruskan menggilap skil yang mereka ada ini".

Tenaga pengajar jemputan, Encik Hafizie berkata " Saya berharap agar anak-anak semua teruskan bermain sukan ini di luar dan tidak hanya terhenti di sini, teruskan bermain dan asah bakat kalian sehingga menjadi hebat".

Usaha para pelajar kursus Sepak Takraw ini berjaya memenuhi objektif dengan berkesan, khususnya dalam mengeratkan hubungan dalam komuniti Sepak Takraw Malaysia, disokong oleh penyertaan aktif daripada peminat serta golongan profesional dalam program tersebut.

Program ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat sukan tradisional ini, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai identiti nasional yang membanggakan setiap rakyat Malaysia.



QKS2109 Sepak Takraw | Teras Sukan | Fasilitator : En. Dzulfajri Norsal

Fiesta in the Tropics: Mahasiswi UPM Serlah Kepimpinan dan Sukan Air

Oleh : Nur Farhani Faizal

Serdang, 11 Januari 2025 – 20 orang mahasiswi dari Universiti Putra Malaysia berjaya melaksanakan Program Family Day: Fiesta in the Tropics anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Ezitwoswim Sport Management di Kompleks Renang Universiti Putra Malaysia dengan bimbingan fasilitator Puan Shuriati Ab Rahim Binti Ghazali.

Program Family Day: Fiesta In The Tropics ingin mewujudkan dan menanam nilai kepimpinan terutamanya dalam pelaksanaan program dalam kalangan mahasiswi Universiti Putra Malaysia selain daripada memupuk semangat sukan dan persaingan sihat dalam kalangan peserta.

Peserta-peserta yang telah menyertai pertandingan mini termasuklah kategori 25 meter Breaststroke, 25 meter Freestyle, 50 meter Breaststroke dan juga 50 meter Freestyle untuk peserta yang berumur berbeza-beza.

Program tersebut melibatkan kanak-kanak berumur dari 5 tahun hingga 10 tahun, serta remaja yang berumur 11 tahun hingga 18 tahun. Ibu bapa mereka juga terlibat dalam permainan-permainan seperti Sugar Rush, Find the water balloon dan sebagainya supaya dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan antara peserta dengan ahli keluarga mereka. Aktiviti-aktiviti tersebut juga dapat memupuk keyakinan diri peserta-peserta dalam berenang.

Pengarah Program, Nur Farhani Binti Faizal berkata, program ini dijalankan untuk mencungkil bakat dan kemahiran peserta. "Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama, daya saing yang sihat, serta kegembiraan dalam suasana santai." katanya.

Program Family Day: Fiesta in the Tropics turut mendapat sokongan daripada Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Ts. Dr Rozzamri Ashari. Beliau kata, program komuniti tersebut dapat memberikan banyak manfaat kepada kedua-dua pihak, termasuklah pihak peserta dan pihak penganjur iaitu mahasiswi Universiti Putra Malaysia.



QKS2112 Renang Asas | Teras Sukan Fasilitator : Pn. Shuriati Abd Rahim



Lestarikan Alam, Ciptaan Unik! 3R Eco-Decor Challenge Tarik Minat Mahasiswa

Oleh: Anis Shahirah

Serdang, 25 Januari 2025- Program 3R Eco-Decor Challenge berjaya menarik minat warga Kolej Canselor dalam usaha memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar melalui kreativiti kitar semula. Program ini dianjurkan dengan matlamat untuk menggalakkan penggunaan semula bahan terbuang dalam mencipta karya seni yang bernilai tinggi.

Pertandingan ini terbuka kepada semua warga Kolej Canselor, sama ada secara individu atau berkumpulan dengan maksimum tiga orang ahli dan peserta dikehendaki menghasilkan satu reka bentuk berasaskan konsep *Do It Yourself* (DIY) menggunakan bahan buangan. Setiap hasil ciptaan mesti dipersembahkan secara fizikal pada hari penilaian.

Menurut Pengarah Program, Syamimi Ezzaty, pertandingan ini bukan sahaja menguji daya kreativiti peserta, malah turut menanam semangat cintakan alam sekitar. "Melalui program seperti ini, kita dapat melahirkan generasi yang lebih peka terhadap pengurusan sisa dan penggunaan sumber yang lebih mampan," katanya ketika ditemui semasa sesi penilaian karya.

Sebanyak lapan pemenang akan dipilih berdasarkan keunikan reka bentuk, penggunaan bahan kitar semula yang efektif, serta kreativiti persembahan dan keputusan juri adalah muktamad dan diumumkan pada hari yang sama.

Program ini mendapat sambutan hangat, dengan pelbagai hasil karya menarik yang dihasilkan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti botol plastik, kertas lama, dan tin aluminium dan para peserta bukan sahaja membawa pulang hadiah lumayan, malah pengalaman berharga dalam menerapkan prinsip 3R - *Reduce, Reuse, Recycle*.

Dengan adanya program seperti ini, diharapkan kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar akan terus mekar dalam kalangan mahasiswa, sekaligus menjadikan kampus UPM sebagai institusi yang menerajui usaha hijau dan lestari



Pengakap Kelana Siswa | Teras Kesukarelawanan | Fasilitator : En. Akhtar Nurfitri

STEM4 UMMAH: Memupuk Kecintaan Terhadap Masjid melalui Aktiviti Inovatif

Oleh : Muhammad Faiz Bin Mustafa

Serdang, 4 Januari 2025– Program STEM 4 UMMAH, anjuran mahasiswa Kursus Pengurusan Masjid (QKW 2110), telah berlangsung dengan jayanya sebagai projek akhir kumpulan melibatkan pelajar daripada Kumpulan 3 dan 4. Program ini dijalankan di Dewan AL-Khawarizmi, Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan objektif utama menarik minat pelajar UPM untuk lebih mendekati masjid melalui aktiviti yang bermanfaat dan bersifat inklusif.

Menurut para penganjur, pemilihan tema STEM 4 UMMAH dibuat bagi memberi kelainan berbanding program-program masjid yang biasa dianjurkan. Pendekatan ini diharap mampu membuka ruang kepada mahasiswa untuk melihat masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga pusat pembangunan ilmu, kreativiti dan interaksi komuniti.

Program ini menampilkan beberapa pengisian menarik, antaranya sesi ice breaking antara kumpulan, ceramah oleh Ustaz Najmuddin Rabbani Mustafa bertajuk "Keseimbangan Dunia dan Akhirat: Sunnah Rasulullah dalam Gaya Hidup", serta modul Funtastic STEM yang menekankan pembelajaran berasaskan sains dan teknologi dengan pendekatan interaktif.

Keseluruhan program berjalan lancar dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk sukarelawan Pusat Islam dan para peserta sendiri. Suasana sepanjang program berlangsung juga cukup memberangsangkan apabila mahasiswa UPM memberikan komitmen dan sokongan dalam memastikan setiap aktiviti dapat dijalankan dengan baik.

Seorang peserta menyatakan bahawa penganjuran program sebegini wajar diperluas ke seluruh komuniti kampus kerana mampu memupuk rasa cinta terhadap masjid serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat. Program seperti ini turut dilihat berpotensi memberikan manfaat besar bukan sahaja kepada penganjur, malah kepada semua peserta yang terlibat.

Program STEM 4 UMMAH diharap menjadi permulaan kepada lebih banyak inisiatif kreatif yang menghubungkan mahasiswa, ilmu dan institusi masjid di UPM.



QKW2110 Pengurusan Masjid | Teras Kepimpinan
Fasilitator : En. Mohamad Aiman Ahmad Zahidi & En. Mohd Hafiz Bin Ghazali



Program Inspirasi Putra Lahirkan Mahasiswa Berdaya Saing dan Beretika



Serdang, 12 Januari 2025 – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) telah menganjurkan Program Inspirasi Putra pada 11 hingga 12 Januari 2025 bertempat di Anjung Sanggar Kolej 12 dan Kolej 14, UPM. Program yang disertai oleh 110 orang pelajar daripada kursus QKK2101 Kumpulan 9, 19, dan 20 ini bertujuan memupuk kemahiran insaniah, semangat kepimpinan serta rasa cinta terhadap universiti dalam kalangan mahasiswa.



Menurut pihak penganjur, objektif utama program ini adalah untuk membentuk nilai murni melalui aktiviti berimpak tinggi, di samping mengembangkan kreativiti serta menerapkan profesionalisme sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan.



Antara aktiviti yang dijalankan termasuk sesi *Team Building* seperti *Melting the Iceberg*, *Battleship*, dan *Lead and Synergize* yang menekankan aspek komunikasi dan kerjasama berpasukan. Turut diadakan ialah program Sehari Bersama Alam: Tanam Herba Terapi, di mana peserta terlibat dalam penanaman pokok herba untuk mewujudkan taman terapeutik di Kolej 14.

Program ini telah dirasmikan oleh Ts. Dr. Rozzamri Ashari dan turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pengetua Kolej 14, Prof. Dr. Mohd Aris Mohd Moklas. Majlis penutupan pula disempurnakan oleh Pengarah Program, Mathew Chew Kah Ming, yang turut melancarkan gimik perasmian taman herba sebagai simbol kejayaan program.

Penganjuran program ini memberikan impak positif bukan sahaja kepada mahasiswa, malah kepada komuniti kampus dan universiti secara keseluruhan. Pelajar mendapat peluang memperkukuh kemahiran insaniah serta membina jaringan sosial, manakala komuniti mendapat manfaat daripada pemindahan ilmu dan pengalaman. UPM pula terus memperkukuh imej sebagai institusi yang komited melahirkan graduan beretika, berkemahiran dan berdaya saing.

Antara cadangan penambahbaikan bagi program akan datang termasuk menambah aktiviti *ice-breaking* yang lebih kreatif, penggunaan bahan bantu visual yang lebih menarik, serta penyediaan papan maklumat berkaitan herba yang ditanam untuk tujuan pendidikan.

Pihak penganjur berharap agar Program Inspirasi Putra dapat diteruskan sebagai salah satu usaha berterusan dalam pembangunan holistik mahasiswa UPM.



Pembersihan Warisan Ummah di Masjid dan Perkuburan UPM

Serdang, 4 Januari 2025- Seramai 40 mahasiswa dan mahasiswi dari Kumpulan 2 Pengurusan Masjid telah berganding bahu dalam program "Pembersihan Warisan Ummah" yang berlangsung di sekitar masjid UPM dan kawasan perkuburan Islam. Program ini bertujuan untuk memelihara kebersihan tempat ibadah serta menyemai semangat gotong-royong dalam kalangan peserta.

Program ini dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai kepentingan kebersihan dalam Islam serta adab-adab yang perlu dipatuhi semasa melakukan kerja pembersihan di kawasan perkuburan. Peserta kemudian dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan tugas masing-masing, termasuk menyapu lantai masjid, mencuci ruang solat, membersihkan tempat wuduk, serta mencabut rumput liar di kawasan perkuburan.

Menurut penyelaras program, aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kebersihan fizikal tetapi juga bagi memupuk rasa tanggungjawab dan kasih sayang terhadap warisan ummah. "Program ini memberikan kesedaran kepada peserta tentang pentingnya memelihara kebersihan tempat ibadah dan kawasan perkuburan sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang telah pergi," katanya.

Selain itu, beberapa peserta turut berkongsi pengalaman mereka sepanjang aktiviti berlangsung. Salah seorang peserta, Ahmad, menyatakan bahawa program ini mengajarnya erti gotong-royong dan kepentingan bekerja dalam satu pasukan. "Saya berasa bangga dapat menyumbang tenaga untuk memastikan masjid UPM dan kawasan perkuburan ini sentiasa dalam keadaan bersih dan terpelihara," ujarnya.

Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan ialah penyediaan lebih banyak peralatan pembersihan serta penglibatan lebih ramai sukarelawan dari pelbagai peringkat umur. Selain itu, sesi tazkirah berkaitan kebersihan dalam Islam juga dicadangkan agar program ini bukan sahaja memberi manfaat fizikal tetapi juga menyentuh aspek spiritual para peserta.

Program "Pembersihan Warisan Ummah" ini berakhir dengan sesi jamuan ringan kepada semua peserta yang terlibat. Aktiviti seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan kelestarian kebersihan di kawasan masjid dan perkuburan terus terjaga.



Connecting with Nature: Mahasiswa UPM Serlah Daya Tahan di SISFEC

Oleh : Mohd Firdaus bin Simanjunta

Puchong, 12 Januari 2025 – Seramai 39 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada Kursus Kokurikulum Asas Kembara (QKS2121) Kumpulan 2 telah menyertai program "Connecting with Nature: Lessons from the Wild" di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) pada 10 hingga 12 Januari lalu. Program ini turut diselia oleh fasilitator, En. Ahmad Ridhwan bin Isa, dengan penglibatan seorang pegawai pemantau, En. Wan Zaharuddin Wan Abdullah

Program tiga hari ini dianjurkan bertujuan melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan sosial, selain memberi pendedahan terhadap kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar. Antara objektif utama adalah mengasah kepimpinan, meningkatkan kemahiran kerja berpasukan serta menerapkan nilai toleransi dan berdikari dalam kalangan peserta.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan, antaranya sesi ice breaking, night walk, aktiviti trekking ke air terjun, *outdoor cooking* dan *survival skills*, selain aktiviti *water confident* di Blue Lagoon. Program turut dimeriahkan dengan aktiviti kebudayaan, tayangan montaj, serta sesi unggun api yang mengukuhkan semangat setiakawan. Aktiviti khidmat masyarakat (CSR) seperti membersihkan kawasan sekitar, mengemas chalet, dan menanam pokok pula memberi peluang peserta mempraktikkan nilai tanggungjawab sosial.

Lebih menarik, program ini turut melibatkan komuniti dari Saujana Puchong 9 dan 10 yang bersama-sama pelajar menyertai aktiviti senamrobik, trekking, serta CSR di kawasan sekitar. Kerjasama ini bukan sahaja mengeratkan hubungan universiti dengan masyarakat setempat, malah meningkatkan kesedaran awam terhadap usaha menjaga alam sekitar

Menurut Pengarah Program, Mohd Firdaus bin Simanjunta, pengalaman yang dilalui memberi impak besar kepada mahasiswa. "Kami bukan sahaja belajar tentang teknik kembara dan ketahanan diri, malah mendapat kesedaran mendalam tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan membina kerjasama dalam komuniti," katanya.

Secara keseluruhannya, program "Connecting with Nature: Lessons from the Wild" berjaya mencapai objektif dengan meninggalkan impak positif terhadap mahasiswa, komuniti dan universiti. Ia juga mengukuhkan imej UPM sebagai sebuah institusi yang prihatin terhadap pembangunan sahsiah pelajar serta pemeliharaan kelestarian alam





Festival Jelajah Rasa Tradisi 2025 Tarik Minat Belia Kenali Budaya

SERDANG 11 Januari 2025, – Juadah dan permainan tradisional terus mendapat perhatian di kalangan belia, seperti yang dibuktikan melalui sambutan hangat daripada para pelajar dan pengunjung luar yang menghadiri Festival Jelajah Rasa Tradisi 2025, anjuran Kursus Pengurusan Majlis (QKW2109) Kumpulan 01, di bawah Kursus Kokurikulum Berkredit, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Festival Jelajah Rasa Tradisi 2025 bertujuan mempromosikan kepelbagaian makanan dan permainan tradisional daripada pelbagai kaum untuk memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pengunjung, sambil menjemput para penjual dari pelbagai tempat dan latar belakang.

Festival Jelajah Rasa Tradisi 2025 ini telah dirasmikan oleh Encik Samsul Bahrin bin Abdullah, Pengasas My Sweetcool Sdn Bhd, dan turut hadir bersama, Puan Arba'ah binti Md Salleh, Fasilitator Khas, Kursus Kokurikulum Berkredit, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, UPM.

"Saya harap festival ini dapat memberi sedikit sebanyak gambaran kepada pengunjung mengenai tradisi di Malaysia," kata Muhammad Irfan Danish bin Mohd Shamsuri, Pengarah Program Festival Jelajah Tradisi 2025 semasa ditemui pada hari kejadian.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang festival ini adalah jualan makanan tradisional Melayu dan Cina – pengat pisang dan Tang Yuan; ruai permainan tradisional congkak, dan pelbagai aktiviti terbuka kepada semua termasuklah orang luar.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka mata para pengunjung mengenai keunikan tradisi di Malaysia.



Program Asas Renang 2.0 Tingkat Kemahiran dan Keyakinan Peserta

Oleh: Azizzul Mustaqim

Serdang 18 Januari 2025 – Sukan berenang kini semakin mendapat tempat di hati kalangan masyarakat muda terutamanya, dan ini terbukti dengan sambutan meriah 40 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak, para pelajar, serta pengunjung luar yang menyertai Program Asas Renang 2.0. Program ini telah dianjurkan oleh pelajar QKS2112 Asas Renang dengan kerjasama daripada Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan UPM.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ts. Dr. Rozzamri Ashari, yang dalam ucapannya menekankan kepentingan penguasaan kemahiran renang bukan sahaja sebagai satu aktiviti rekreasi tetapi juga sebagai kemahiran yang boleh digunakan dalam situasi kecemasan.

Pengarah Program Asas Renang 2.0, Eman Fakhrollah Bin Mohd Tarmizi berkata, program tersebut diadakan bagi memastikan masyarakat masa kini lebih terbuka dengan sukan yang melibatkan air bagi meningkatkan keberanian mereka untuk tidak takut dengan air serta memupuk kesedaran kepentingan mempelajari ilmu renang untuk keselamatan diri.

Sepanjang program berlangsung, peserta diberikan latihan intensif oleh tenaga pengajar berpengalaman yang membimbing mereka dalam teknik renangan asas, kawalan pernafasan, dan ketahanan di dalam air bagi meningkatkan keyakinan serta kecekapan mereka.

Kelihatan para peserta begitu bersemangat dan memberikan tumpuan penuh terhadap setiap sesi latihan, malah ada yang menyatakan bahawa pengalaman ini bukan sahaja menambah pengetahuan mereka tetapi juga mengeratkan hubungan sesama ahli kelab dalam suasana yang menyenangkan.

Seorang peserta, Amirul Hakimi, berkongsi keterujaannya dengan berkata, "Program ini benar-benar membuka mata saya tentang kepentingan renang dalam kehidupan seharian, dan saya berasa lebih yakin untuk berhadapan dengan situasi air selepas mengikuti latihan yang diberikan oleh jurulatih profesional."



Hari Pertunjukan Fesyen Pakaian Tradisional, berjaya mempromosikan tradisi kaum di Malaysia

Oleh: Nurin Qistina

Serdang, 11 Januari 2025 – Peragaan busana tradisional kaum di Malaysia pada masa kini telah menunjukkan bahawa rekaan pakaian yang dihasilkan adalah bersifat unik dengan gayanya yang tersendiri. Hal ini dapat dibuktikan semasa Pentas Busana Tradisional yang dianjurkan oleh mahasiswa Kelab Pengurusan Majlis Kumpulan 3, melibatkan para peserta dalam memperagakan pertunjukan fesyen pakaian tradisional Malaysia.

Pengarah Kelab Pengurusan Majlis Kumpulan 3, Muhammad Arief Danial berkata bahawa, program Pentas Busana Tradisional ini diadakan adalah bagi memastikan kalangan mahasiswa Malaysia serta mahasiswa dari Luar Negara tertarik dengan peragaan pakaian-pakaian tradisional yang terdapat di dalam Malaysia serta mampu memupuk rasa cinta dan minat untuk memakai dan mempromosikan semua jenis pakaian tradisional di khalayak ramai mahupun di negara yang lain.

"Program yang diadakan ini juga akan dapat memupuk nilai-nilai positif serta meningkatkan mutu hidup dan kesejahteraan masyarakat seterusnya membentuk insan yang berkualiti." katanya lagi semasa sesi ucapan perasmian berlangsung di perkarangan Muzium Warisan Budaya, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia tempoh hari.

Mengapa perkara seperti ini harus diketengahkan adalah kerana adat dan tradisi bagi setiap kaum di dalam Malaysia ini mestilah dijaga dan diwarisi agar semuanya tidak ditelan oleh zaman pada tahun-tahun yang mendatang terutamanya pada era globalisasi ini yang memperlihatkan generasi Z dan generasi Alpha cenderung pada pengaruh budaya luar.

Antara agenda program yang dilaksanakan sewaktu majlis berlangsung adalah seperti Pertunjukan Fesyen dalam memperagakan busana tradisional, pembukaan gerai-gerai jualan makanan, persembahan oleh para pelajar Tahun 6 dari SK Putrajaya Presint 8 (1) serta ahli mahasiswa pertubuhan Kelab Gamelan Universiti Kebangsaan Malaysia atau nama lainnya 'Gita Sahnura', perkongsian forum ilmu dan lain-lain lagi.





Pelajar UPM meriahkan Pameran Taekwon-Go dengan semangat di UPM

Oleh: Loo Shu Yee

Serdang , 11 Januari 2025 – Pendedahan ilmiah dan pertunjukan seni bela diri Taekwondo telah disampaikan kepada para pelajar di Universiti Putra Malaysia dan ini terbukti dengan sambutan meriah oleh para pelajar di UPM mengunjungi pameran Taekwon-Go yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar dari QKW2105 Pengenalan Taekwondo, Kumpulan 2 dengan kerjasama Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar.



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, En. Fahmi Azar Mistar berkata, program Pameran Taekwon-Go diadakan untuk memastikan generasi baharu ini bukan sahaja mendapat pendedahan tentang falsafah Taekwondo dan seni pertahanan diri malahan, program ini digerakkan untuk memastikan generasi baharu menjadi insan yang berilmiah serta membina identiti yang berdisiplin dan berbudi bahasa demi masa depan yang cerah.



Beliau berkata, program Pameran Taekwon-Go yang dijalankan boleh menjadi satu transformasi yang besar terhadap generasi strawberi kerana mereka yang dilatih dalam seni pertahanan diri ini akan menjadi seorang yang bertanggungjawab dan berkepimpinan setelah diberikan sedikit pendedahan semasa program ini.



Pameran Taekwon-Go mempunyai enam Pameran seperti Taekwondo Puzzle, Fitness Challenges, It's a Crafty Taekwondo!, Memory Card Game, Get To Know! , Dexterity Check! yang merangkumi pengenalan aksi asas taekwondo, kecergasan dan pendedahan kepada permainan tradisional di Korea Selatan.

Pameran Tarkwon-Go telah dimeriahkan oleh sebanyak 130 pelajar dari Universiti Putra Malaysia sepanjang masa dari 8 pagi hingga 6 petang di Foyer Komplek Akademi A (KAA) dengan menunjukkan perasaan kegembiraan.

"Taekwondo mengajar kita untuk berdisiplin dan berupaya untuk menetapkan matlamat dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Seni pertahanan diri ini dapat menyemai ketabahan dalam diri, menunjukkan cara mengatasi cabaran, biarpun di atas tikar latihan mahupun dalam kehidupan. Nilai-nilai ini dapat membina bukan sahaja seorang atlet yang hebat malahan, individu yang kuat dan penuh belas kasihan," kata En. Fahmi Azar Mistar, yang hadir semasa upacara perasmian di Bilik Seminar 6, Kompleks Akademi A (KAA), UPM.

Konsert Galau Kumpul Dana untuk Bantu Rumah Anak Yatim

Oleh : Chelsy Ivy Flex

Serdang, 11 Januari 2025 - Sebuah konsert bertemakan lagu-lagu sedih telah diadakan di Dewan Kolej Pendeta Zaaba, UPM, mempamerkan barisan pelajar daripada kursus Vokal Asas yang berbakat dalam seni nyanyian, serta beberapa artis jemputan seperti Keka Nizam yang turut serta membuat persembahan di konsert tersebut.

Konsert Malam Rindu Senja yang telah berlangsung pada 11 Januari lalu, mengaplikasikan konsep "galau" yang semakin hangat sejak kebelakangan ini, dan bertujuan mengutip dana daripada hasil jualan tiket konsert untuk disumbangkan kepada Rumah Bakti Dato Harun yang terletak di Ampang, Selangor.

Pengarah program, Chelssy Ivy Flex berkata, konsert ini diadakan dengan matlamat meningkatkan nilai seni vokal dan variasi persembahan pentas dalam kalangan pelajar universiti, di samping memupuk nilai kerjasama melalui penganjuran program komuniti yang melibatkan organisasi seperti rumah kebajikan.

"Saya menggunakan peluang ini untuk mengambil idea daripada sebuah konsep yang sedang tular di media sosial kerana saya yakin boleh menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar, terutama generasi Z zaman kini."

"Program ini bukan semata-mata untuk berhibur atau menikmati persembahan sahaja, ia sedikit sebanyak boleh memberi kesedaran kepada pelajar untuk memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan, secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Dengan jualan tiket yang berharga hanya RM5.00 per penonton, konsert ini telah mendapat kutipan jualan tiket sebanyak hampir RM1500.00, dengan penonton lebih 200 orang telah hadir bagi memeriahkan lagi persembahan.

Salah seorang tetamu jemputan iaitu Dr. Muhammad Izzat Rahim, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dengkil berkata, beliau kagum terhadap usaha dan kerjasama pasukan dalam menganjurkan konsert, serta memberi pujian kepada semua yang terlibat atas kejayaan acara tersebut.

"Secara peribadi, saya sangat menikmati persembahan ini. Saya hanya dapat membayangkan betapa besar usaha yang telah dicurahkan oleh seluruh pasukan dalam menganjurkan acara yang luar biasa ini. Ini adalah contoh kerjasama yang amat mengagumkan,"

"Saya ingin memberi pujian kepada semua pemuzik dan pelajar yang terlibat, serta kepada AJK dan penasihat yang telah bekerja keras memastikan kelancaran konsert ini. Tahniah dan syabas di atas kejayaan yang hebat ini!" katanya.

Untuk pengetahuan semua, Rumah Bakti Dato' Harun (RBDH) ditubuhkan pada 16 Ogos 1966 sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim Selangor, dengan tanah seluas 4.8 ekar di Hulu Kelang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri Selangor atas jasa Allahyarham Dato' Haji Harun Idris dan isterinya. DYMM Sultan Selangor menjadi penaung.

RBDH menyediakan pendidikan, penginapan, makanan, pakaian, bimbingan, dan kasih sayang kepada anak-anak yatim yang miskin atau daif. Ia juga membantu mereka berdikari dan melanjutkan pelajaran. Pelbagai kemudahan, termasuk asrama, surau, dan pusat sumber, telah dibangunkan hasil sumbangan kerajaan dan orang ramai.

Konsert Malam Rindu Senja di Dewan Kolej Pendeta Zaaba, UPM, berjaya menggabungkan seni muzik dan nilai kemanusiaan dengan mempamerkan bakat pelajar dan artis jemputan sambil memupuk kesedaran untuk membantu golongan yang memerlukan. Usaha dan kerjasama penganjur mendapat pujian daripada tetamu, menunjukkan kejayaan program dalam menyatukan seni dan amal untuk tujuan murni.



QKB2104 Vokal Asas | Teras Kebudayaan / Fasilitator : En. Nur Haziq & En. Haikal Sharif

Mahasiswa UPM bersemangat menyertai Program *Putra Impact* 2025

Oleh: Nurul Shaziela Mohd Zawawi

Serdang, 12 Januari 2025– Program *Putra Impact* 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula 10 hingga 12 Januari di Kolej Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menarik penyertaan lebih 100 mahasiswa dalam usaha membentuk mahasiswa yang berdaya saing dan mempunyai kesedaran sosial yang tinggi. Program ini dianjurkan oleh Kursus Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 12, dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM, Bahagian Perumahan dan Penempatan UPM, serta Kor SISPA UPM.



Lt. Muda (PA) Mohammad Nor Fitri b.Hasan, Staf pentadbiran Seksyen Kompeni Pasukan SISWA Angkatan Pertahanan Awam Universiti Putra Malaysia, hadir untuk merasmikan majlis penutup program. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa Program *Putra Impact* 2025 bertujuan untuk membentuk mahasiswa yang lebih matang, berkecakupan tinggi, dan memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan dalam dunia sebenar.

Beliau berkata, "Program ini selaras dengan matlamat universiti untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai kesedaran sosial yang tinggi serta keupayaan untuk menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan."

Program ini yang bertemakan "Mahasiswa Jiwa Bakti" menekankan elemen kesukarelawanan dan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa UPM. Antara objektif utama program adalah untuk menyemai minat dalam memahami dan mempraktikkan asas bantu mula semasa kecemasan, mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan komuniti UPM, serta membudayakan sikap prihatin terhadap kebersihan dan nilai murni dalam kehidupan seharian.



Semua aktiviti telah berjaya dilaksanakan dalam satu hari sahaja, bermula dengan sesi pagi dimulakan dengan sesi ice-breaking "*What's Up UPM*" yang membolehkan peserta berkenalan serta membina semangat berpasukan. Selain itu, pertandingan Mencipta Sepanduk dijalankan bagi menggalakkan kreativiti peserta dalam menyampaikan mesej kesukarelawanan.

Pada sesi tengah hari, peserta mengikuti Bengkel Asas Bantu Mula dan Kemahiran Ikhtiar Hidup, yang memberikan pendedahan mengenai pertolongan cemas, cara memasang khemah, teknik penapisan air (water filter), isyarat kecemasan (SOS), dan kaedah menyalakan api dalam keadaan kecemasan. Aktiviti ini dikendalikan oleh fasilitator berpengalaman daripada Kor SISPA UPM.



Sesi petang pula iaitu sesi yang terakhir untuk perjalanan aktiviti diserikan dengan Masakan Rimba, yang menguji kemahiran peserta dalam memasak menggunakan sumber semula jadi, serta aktiviti Gotong-Royong Perdana di sekitar kolej kediaman Kolej Canselor sebagai usaha memupuk semangat kebersihan dan kesedaran sivik dalam kalangan mahasiswa.

Pengarah program, Muhammad Danial Luthfee bin Abu Bakar, menyatakan harapan bahawa program ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan skala yang lebih besar. "Program ini bukan sahaja menguji keupayaan mahasiswa dalam mengurus dan melaksanakan acara berskala besar, tetapi juga membentuk nilai-nilai kepimpinan dan kerja berpasukan yang penting untuk masa depan mereka," katanya.

Majlis penutup turut diisi dengan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan, tayangan montaj perjalanan program serta sesi fotografi bersama semua seisi dewan. Acara penutup ini telah menjadi simbolik kepada kejayaan program dalam mencapai matlamatnya untuk membentuk mahasiswa yang lebih berdaya saing dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Dengan kejayaan penganjuran Program *Putra Impact* 2025, UPM terus membuktikan komitmennya dalam membentuk mahasiswa yang berketerampilan, bertanggungjawab, dan berdaya saing dalam kehidupan serta kerjaya mereka pada masa hadapan.



Gotong-Royong Penanaman Sayuran di Kolej 14: Misi Hijau Bersama Kumpulan Bakti Siswa 14

Oleh: Abu Hassan Basri Mohd Najib

Serdang, 18 Januari 2025 – Kumpulan Bakti Siswa 14 Universiti Putra Malaysia menganjurkan Gotong-Royong & Penanaman Sayuran di Kolej 14 . Program ini telah dilaksanakan bagi memulihkan kawasan tanah di kolej tersebut untuk penanaman sayuran dengan penglibatan 39 ahli Kumpulan Bakti Siswa 14 dan kerjasama staf Kolej 14 .

Penolong Pendaftar Kanan Kolej 14 , Puan Latifah binti Amir telah dijemput sebagai tetamu kehormat bagi merasmikan Majlis Perasmian Program Gotong-Royong & Penanaman Sayuran di Kolej 14. Kehadiran beliau bukan sahaja memberi sokongan moral kepada para peserta, tetapi juga memberi inspirasi kepada mereka untuk terus menyumbang kepada kebaikan komuniti kolej. Beliau menekankan kepentingan membudayakan aktiviti penanaman dalam kehidupan seharian, terutama bagi generasi muda untuk memastikan kelestarian alam sekitar.

Sebagai langkah awal, para peserta telah bergotong-royong menebang pokok buluh dan pokok-pokok lain yang menghalang kawasan penanaman sayuran serta menyempadankan kawasan tersebut dengan pagar buluh .

Selain itu, para peserta juga mencampurkan tanah dengan kompos untuk memastikan kualiti tanah sesuai dan subur untuk menyokong pertumbuhan tanaman yang baik , pada masa yang sama, peserta diberi peluang untuk belajar cara penyediaan tanah yang betul bagi penanaman tanaman yang sihat dan produktif .

Program Gotong-Royong & Penanaman Sayuran di Kolej 14 telah memperindah persekitaran Kolej 14 dengan elemen hijau, sekali gus mengeratkan hubungan sesama pelajar dan staf melalui kerjasama dalam mencapai matlamat bersama.





Program Dapur Kasih Sayang : Inisiatif Cakna Komuniti

Oleh: Nurnatasya Nabila

SERDANG 19 Januari, 2025 – Program Dapur Kasih Sayang merupakan satu inisiatif mulia yang diwujudkan untuk membantu golongan yang memerlukan, khususnya masyarakat yang kurang berkemampuan. Program ini digerakkan oleh kumpulan pelajar dari subjek Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 1, Dapur Kasih Sayang bukan sahaja mengutamakan pengisian perut tetapi juga pengisian jiwa dengan kasih sayang dan semangat kekitaan.

Kemuncak program ini telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Prof. Madya Dr. Mursyid Arshad, Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, UPM, yang hadir memberikan ucapan inspirasi kepada para pelajar sekaligus merasmikan program Dapur Kasih Sayang. Beliau menekankan kepentingan nilai kasih sayang dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan prihatin. Kehadiran beliau secara tidak langsung memberi motivasi kepada para pelajar untuk terus aktif dalam menyumbang kepada komuniti melalui pelbagai inisiatif bermanfaat.

Tema "Satu Hidangan, Seribu Kebaikan" membawa mesej mendalam bahawa kebaikan yang kecil sekalipun mampu memberikan impak besar kepada individu yang memerlukan tambahan pula program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima tetapi turut memupuk rasa syukur dan keinsafan dalam diri pelajar yang terlibat.

Program yang dilaksanakan selama dua hari ini telah memberi manfaat kepada komuniti setempat di mana sebanyak 130 pek makanan telah disediakan dan diagihkan dengan penuh dedikasi, setiap hidangan disediakan dengan teliti bagi memastikan kualiti dan khasiat makanan terjaga.

Pelajar Bakti Siswa Kumpulan 1 ini bukan sahaja bertanggungjawab dalam penyediaan makanan namun mereka turut terlibat secara langsung dalam proses pembungkusan dan pengagihan makanan di sini pelajar telah menunjukkan semangat Kerjasama yang tinggi dalam menjayakan program ini.

Secara keseluruhannya, Program Dapur Kasih Sayang telah mencapai matlamatnya untuk menyebarkan kasih sayang dan keprihatinan, usaha murni ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan dengan penglibatan lebih ramai pihak di mana dengan inisiatif seperti ini nilai kebersamaan dalam komuniti dapat diperkukuhkan dan sekaligus melahirkan generasi yang berilmu dan berbakti.



Program Silambam ‘Wellness Warrior’ berlangsung dengan meriah di UPM

Oleh: Lavannya A/P Thiagarajan

SERDANG, 4 Januari 2025 – Program “Silambam Wellness Warrior” telah berjaya dianjurkan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pada hujung minggu lalu. Program ini melibatkan seramai 33 pelajar QKW2106 UPM dan 47 peserta dari kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Objektif utama penganjuran adalah untuk menggalakkan penglibatan aktif dalam aktiviti fizikal menerusi seni mempertahankan diri Silambam, sekali gus meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan secara menyeluruh.

Hari pertama dimulakan dengan perjalanan peserta dari Sungai Sedu seawal jam 6.30 pagi, diikuti sesi pendaftaran, aktiviti ice-breaking dan senamrobik. Majlis pembukaan diserikan dengan ucapan Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Ts. Dr. Rozzamri Ashari, disusuli Encik Sritheran Renganathan, Pengerusi Silambam Daerah Kuala Langat, dan Tharshwini A/P V. Kumar, selaku Pengarah Program.

Sepanjang program, pelbagai aktiviti bermanfaat telah dijalankan:


Modul 1: *Mindful Moments: How to Find Calm in the Chaos*
 Modul 2: *Chasing the Clock: Finding Balance in a Busy World*
 – Kedua-dua modul ini disampaikan oleh kaunselor En. Segar Kandasamy, memberi pendedahan tentang teknik pengurusan stres dan masa secara berkesan.

Pertandingan Explorace
 – Dilaksanakan dengan taklimat oleh Vinosheen dan dikendalikan oleh AJK aktiviti program, diikuti sesi minum petang.

Modul 3: *Fit & Fearless: Elevating Your Body, Energizing Your Life*
 – Disampaikan oleh Maathavan, menekankan amalan gaya hidup sihat.

Selain itu, pelbagai mini games seperti *musical chairs* dan sesi nyanyian turut diadakan bagi mencungkil bakat peserta serta menambahkan kemeriahan. Sesi perkongsian bersama fasilitator memberi ruang kepada peserta untuk bertanya dan berkongsi pengalaman sepanjang program. Acara ditutup dengan pemberian hadiah kepada pemenang Explorace dan jamuan malam sebelum para peserta dan urus setia bersurai.

Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja berjaya mencapai objektifnya dalam membentuk keyakinan diri dan jati diri peserta, malah turut menyemai semangat kerjasama serta kesedaran budaya melalui Silambam. Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan bagi melahirkan generasi muda yang lebih sihat, berdaya saing dan berkeyakinan tinggi.



Euphoria Melody Serlah Bakat Vokal Mahasiswa UPM

Serdang, 18 Januari 2025 – Euphoria Melody adalah acara menarik yang direka khas untuk pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Bengkel vokal dan pertandingan nyanyian ini dianjurkan oleh QKB2104 Kumpulan Vokal Asas 3, Semester Pertama, Sesi 2024/2025, yang merupakan sebahagian daripada Kursus Kurikulum Berkredit di bawah program Teras Budaya. Acara ini telah berlangsung di Dewan PKPP dan dianjurkan dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), UPM.

Euphoria Melody bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar UPM bagi mengembangkan kemahiran vokal mereka, memperoleh pengalaman persembahan, dan terlibat dalam suasana yang menyeronokkan dan kompetitif. Program ini mempunyai dua komponen utama: bengkel vokal, di mana peserta boleh mempelajari petua dan teknik daripada jurulatih vokal yang berpengalaman, dan pertandingan nyanyian yang menawarkan platform kepada pelajar untuk mempamerkan bakat mereka. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Cik Darlyn Goh sebagai guru vokal dan koir bagi program hebat ini. Semangat dan kepakarannya dapat meningkatkan pengalaman muzik para pelajar UPM.

Inisiatif program ini adalah bagi menggalakkan kreativiti, kerja berpasukan, dan penghargaan budaya dalam kalangan pelajar. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan peribadi dengan meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran bercakap di khalayak. Melalui program ini, UPM berharap dapat menonjolkan kepentingan muzik dan persembahan sebagai komponen penting dalam pendekatan holistik universiti terhadap pembangunan pelajar.

Euphoria Melody menawarkan peluang kepada penyanyi bercita-cita tinggi untuk mempamerkan bakat mereka sambil memberi peluang kepada semua peserta untuk berhubung dengan rakan sebaya dari pelbagai disiplin dan latar belakang. Acara ini dijangka menjadi sorotan bagi komuniti UPM dengan menggabungkan pendidikan, kreativiti, dan hiburan.



Kembara Permainan Tradisi: Meneroka Warisan Seni dan Budaya Bersama Komuniti UPM



Oleh : Siti Aisyah binti Mustafa

Serdang, 18 Januari 2025 – Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan program komuniti penuh nilai warisan bertajuk Kembara Permainan Tradisi, satu inisiatif pelajar Kursus Asas Muzik Caklempong (QKB2106) bagi memperkenalkan permainan dan alat muzik tradisional kepada komuniti kampus.

Bertempat di Kompleks Akademik A, program ini mengetengahkan aktiviti tradisional seperti Batu Seremban, Congkak, Galah Panjang dan Baling Selipar, di samping bengkel pengenalan alat muzik Caklempong yang dikendalikan sendiri oleh pelajar. Program ini telah dirasmikan oleh Mohd Shah Rizan Bin Mohd Zain dan majlis penutup disempurnakan oleh dengan sesi penyampaian hadiah kepada peserta.

Saudari Siti Aisyah binti Mustafar selaku pengarah program bersama jawatankuasa pelaksana berjaya menganjurkan aktiviti yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik para peserta mengenai seni warisan bangsa. Penglibatan aktif pelajar dalam pengurusan acara ini turut menjadi medan untuk menyemai nilai kepimpinan, kerjasama dan kemahiran insaniah.

Kembara Permainan Tradisi bukan sekadar aktiviti kokurikulum, tetapi merupakan langkah penting ke arah kelestarian budaya. Diharapkan program seperti ini akan diteruskan sebagai wadah menyatukan generasi muda dan komuniti melalui seni, warisan, dan semangat kebersamaan.



QKB2106 Cak Lempong | Teras Kebudayaan
Fasilitator : En. Muhammad Yaaqub Hambiaq Mahmood



Kindness Corner UPM: Cetus Revolusi Kebersamaan Komuniti dengan Nilai Seikhlas Hati

Oleh : Nur Afifah Dayana Binti Zairi

Serdang, 5 Januari 2025 – Kursus Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 16 Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan program komuniti yang dinamakan *Kindness Corner* UPM dengan slogan “Seikhlas Hati, Kebersamaan Dihargai.” Program ini berlangsung dengan meriah di perkarangan Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Profesor Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad, Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar. Dalam ucapan perasmianya, beliau menyatakan penghargaan terhadap usaha murni para pelajar dan menekankan pentingnya semangat keprihatinan dalam kalangan masyarakat.

Salah satu acara utama yang berjaya menarik perhatian adalah *Free Market*. Inisiatif ini bertujuan membantu golongan yang memerlukan serta mendidik masyarakat tentang nilai kesederhanaan dan sifat empati. Bermula pada pukul 9.00 pagi, program ini membuka ruang kepada pengunjung untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan tanpa sebarang bayaran.

Antara barangan yang disediakan termasuk pakaian, kasut, beg, buku, dan mainan kanak-kanak, yang kesemuanya merupakan hasil sumbangan komuniti UPM dan penyumbang luar. Pengunjung dari pelbagai latar belakang hadir untuk memanfaatkan peluang ini, menjadikan suasana penuh dengan keterujaan dan kesyukuran. Bagi memastikan kelancaran program, aktiviti pengasingan dan penyusunan barangan telah dilaksanakan pada malam sebelumnya oleh semua ahli kumpulan.

Melalui acara ini, barangan yang disumbangkan termasuk pakaian terpakai, buku, peralatan rumah, serta mainan kanak-kanak. Semua barangan telah melalui proses penapisan di mana ia diperiksa dan dikategorikan mengikut jenis untuk memastikan ia dalam keadaan baik dan sesuai untuk digunakan semula. Sumbangan daripada komuniti UPM ini tidak hanya memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan, tetapi turut memperkenalkan amalan kitar semula yang lebih luas. Ramai pengunjung dan kanak-kanak yang telah datang untuk menyokong acara *Free Market* dan mengimarahkan masjid UPM pada hari tersebut.

Antara barang yang paling mendapat sambutan ialah pakaian, permainan, beg dan buku. Pengunjung yang terdiri daripada kalangan pelajar, keluarga, dan juga orang awam merasa sangat bersyukur dengan peluang ini kerana mereka dapat memperoleh barangan yang diperlukan tanpa sebarang kos. Di samping itu, terdapat beberapa penyumbang yang terdiri daripada orang awam hadir untuk berkongsi barangan mereka kepada golongan yang lebih memerlukan.

Pihak penganjur turut menekankan kepentingan amalan derma dan perkongsian, yang bukan sahaja membantu meringankan beban ekonomi individu, tetapi juga menggalakkan budaya sosial yang lebih peka terhadap keperluan orang lain. Acara ini turut dilihat sebagai platform untuk mengurangkan pembaziran, di mana barangan yang tidak lagi digunakan mendapat peluang untuk diteruskan kegunaannya melalui pusingan semula.

Pada masa yang sama, telah dijalankan beberapa aktiviti menarik untuk kanak-kanak serta orang dewasa. Antaranya adalah aktiviti mewarna, merebut gula-gula, teka-teki dalam kotak dan sebagainya. Aktiviti ini bertujuan merapatkan hubungan antara pelajar dan orang awam serta berkongsi kegembiraan. Peserta juga dapat mencari kenalan baru kerana terdapat beberapa aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan. Penyertaan daripada kanak-kanak pada hari tersebut amat meriah dengan sokongan daripada ibu bapa mereka. Diharapkan program-program sebegini dapat diteruskan agar dapat memupuk cinta dalam diri orang ramai terhadap masjid.



Meneroka Dunia Bola Jaring: Cabaran dan Pengalaman bersama *Netball Navigator*

Oleh: Yap Jia Xin, Nur Irdina Sofiya dan Nur Adriana Ayunie

Serdang, 4 Januari 2025 – Sukan Bola Jaring bukan sekadar permainan di atas gelanggang. Ia adalah sukan yang menuntut semangat berpasukan, strategi dan ketahanan fizikal serta mental. Dengan perkembangan inovasi dalam penganjuran Explorace Netball Navigator ini dapat membawa dimensi baharu kepada pemain bola jaring.

Melalui inisiatif pelajar kelas bola jaring Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 di bawah kod kursus QKS2113 Universiti Putra Malaysia telah bergabung untuk menganjurkan program Netball Navigator dan telah mereka aktiviti-aktiviti menarik dan unik iaitu dengan menggabungkan aktiviti explorace dan permainan bola jaring.. Sebanyak 10 aktiviti menarik telah direka dan setiap aktiviti mengandungi elemen bola jaring bagi mencabar tahap kreativiti dan kemahiran para peserta.

Sebanyak 9 kumpulan yg terdiri daripada 5 orang untuk setiap kumpulan telah menyertai program Netball Navigator yang dianjurkan oleh pelajar kursus QKS2113 Universiti Putra Malaysia yang berlangsung pada 4 Januari 2025. Program ini turut mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelajar dan juga alumni UPM dan program ini juga telah dirasmikan oleh Ts Dr Rozzamri Ashari, Timbalan Pengarah Kokurikulum Berkredit.

Kumpulan pertama telah berjaya menamatkan program ini dengan mengambil masa selama 1 jam 47 minit, manakala kumpulan yang tempat kedua telah menamatkan cabaran aktiviti explorace dengan mengambil masa selama 1 jam 48 minit dan kumpulan yang mendapat tempat ketiga mengambil masa selama 2 jam 2 minit.

Johan bagi program ini merupakan alumni Universiti Putra Malaysia yang berjaya membawa pulang wang sebanyak RM700.00 manakala tempat kedua membawa pulang RM500.00 dan tempat ketiga pula telah membawa pulang RM300.00. Bagi pemenang saguhati iaitu dari tempat keempat sehingga kesembilan, masing-masing telah membawa pulang hadiah saguhati berupa wang sebanyak RM50.00 untuk setiap kumpulan.

Program ini telah mencapai objektif iaitu memberi pengalaman kepada pelajar QKS2113 dalam mengurus dan mengendalikan sebuah program komuniti yang melibatkan bilangan peserta dalam kalangan komuniti setempat. Selain itu, program ini juga telah membentuk semangat kerjasama dalam pasukan dan dapat mengeratkan silaturahim melalui penganjuran program komuniti serta secara tidak langsung meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar yang terlibat.

Malah dengan ini, segala objektif yang ingin dicapai dalam menganjurkan program ini, telah tercapai dengan jayanya. Fasilitator QKS2113 kumpulan 1 Puan Juriah Binti Othman dan Kumpulan 2 Cik Jacklyn Anak Joseph serta pihak Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar telah memainkan peranan dalam kejayaan ini.





Keceriaan Kampus Bermula di UPM: Gotong-Royong Cipta Kelestarian dan Ukhwah

Oleh: Ahmad Hanif Muhaimin

Serdang, 4 Januari 2025- Program "For The Best Future" dengan tema "Keceriaan Membangkitkan Kejayaan" telah berlangsung dengan penuh semangat di Kompleks Akademik E, Universiti Putra Malaysia (UPM). Anjuran Kursus Bakti Siswa (QKK2101) Kumpulan 17, program ini disertai oleh 38 pelajar UPM bersama seorang fasilitator, bertujuan memupuk nilai-nilai murni melalui aktiviti gotong-royong.

Program selama dua hari ini memberi fokus kepada kebersihan dan kelestarian alam sekitar di samping menonjolkan kepentingan semangat kerjasama. Pengarah program, Ahmad Hanif Muhaimin, menyatakan, "Program ini bukan sekadar membersihkan persekitaran, tetapi juga mencipta ruang bagi mahasiswa membina jati diri dan kemahiran insaniah yang tinggi."

Antara aktiviti utama adalah senamrobik, gotong-royong pembersihan kawasan, dan hiasan mural yang menceriakan suasana Kompleks Akademik E. Timbalan Pengarah Program, Kayla Almadhanti, menambah, "Kami ingin memastikan bahawa setiap peserta memahami nilai kerja berpasukan dan melihat hasil usaha mereka dapat memberi impak positif kepada kampus." Program ini turut disokong oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM yang menyumbang peralatan dan bantuan kewangan. Nurul Hidayah Jamaludin, fasilitator program, memuji usaha peserta dan menyatakan bahawa aktiviti seperti ini menjadi platform untuk mahasiswa memainkan peranan mereka sebagai agen perubahan masyarakat.

Seorang peserta, Syahiratul Adani Bahran Asyrof, berkongsi perasaan, "Pengalaman ini membuka mata kami tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar sambil menjalinkan hubungan erat sesama pelajar."

"Keceriaan kampus bukan hanya dilihat pada kebersihannya, tetapi juga pada ukhwah yang terbina melalui setiap peluh yang dititiskan bersama." Dengan sokongan yang padu daripada pihak universiti dan komuniti pelajar, program ini menjadi contoh terbaik bagaimana generasi muda dapat memupuk nilai murni melalui tindakan kecil yang memberi kesan besar.



Kursus Kepengadilan dan Scoring Besbol Tahap 1 Berlangsung Meriah di UPM

Oleh: Muhammad Hazim Bin Mohd Hesli

Serdang, 19 Januari 2025– Peserta yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan komuniti luar menyertai Kursus Kepengadilan Besbol Tahap 1 dan Kursus Scoring Besbol Tahap 1 selama tiga hari di Padang Besbol UPM, anjuran Besbol (QKS2125) Kumpulan 1 dengan kerjasama Persekutuan Besbol Malaysia (BFM).

Timbalan Pengarah Program, Ainnur Balqis Md Hanafi, menyatakan bahawa program ini bertujuan meningkatkan profesionalisme peserta melalui latihan teori dan praktikal dalam kepengadilan dan sistem pengiraan skor besbol. Kursus ini juga selari dengan usaha melahirkan graduan yang serba boleh dengan kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan dan kepimpinan.

"Kursus ini menjadi landasan penting dalam memastikan lebih ramai pengadil dan pencatat skor yang terlatih untuk menyokong pembangunan sukan besbol di Malaysia," katanya ketika ditemui di lokasi program.

Selain slot teori di Dewan Kolej Canselor, aktiviti praktikal turut diadakan di Padang Besbol UPM, memberi peluang peserta untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam situasi sebenar.

Majlis penutupan dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kokurikulum Berkredit, Ts. Dr. Rozzamri Ashari, yang memuji usaha ini sebagai inisiatif signifikan dalam memajukan sukan besbol. "Program ini bukan sahaja meningkatkan kepakaran peserta tetapi juga mengeratkan hubungan antara komuniti besbol di seluruh negara," ujarnya.

Dengan tema "*It's time for baseball*," kursus ini menjadi pemangkin bagi generasi muda untuk terus mendalami sukan besbol dan menjadikannya platform untuk kerjaya masa depan.



©QKS2125 Besbol | Teras Sukan | Fasilitator : En. Segar A/LA Maniveloo



Program Kongsi Rezeki, Siswa Berbakti Membawa Senyuman kepada Warga UPM dan Penduduk Sekitar

Oleh: Raihan Binti Zulhazmi



Serdang, 5 Januari 2025- Program Kongsi Rezeki, Siswa Berbakti yang telah diadakan pada 3 hingga 5 Januari 2025 oleh Bakti Siswa Kumpulan 5 merupakan inisiatif yang memberi tumpuan kepada sokongan dan kebajikan masyarakat untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan melalui pelbagai cara seperti bantuan kewangan, pengagihan makanan serta latihan kemahiran. Program yang diadakan dengan Kerjasama Pusat Islam Universiti Putra Malaysia ini bertujuan untuk memberi pengetahuan, pendedahan, penerangan serta memupuk sifat-sifat kebajikan dalam kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan dalam erti kata lain meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap konsep kemahiran insaniah. Seramai 39 pelajar terlibat dalam menjayakan program ini di bawah bimbingan fasilitator, Puan Muliayu binti Ramli.



Aktiviti yang dilaksanakan selama 3 hari ini membantu mahasiswa membangunkan kemahiran kepimpinan melalui pengurusan program, meningkatkan kesedaran dan keprihatinan mahasiswa UPM terhadap konsep kemahiran insaniah dengan perkongsian makanan kepada golongan yang memerlukan, meningkatkan kemahiran berkomunikasi melalui perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk kerjasama serta pengendalian aktiviti bersama komuniti seperti sukaneka dan bengkel membuat sabun. Melalui aktiviti gotong royong memasak, mahasiswa UPM dapat memupuk semangat berpasukan dan bertoleransi dalam anggota kumpulan. Kejayaan program ini bukan sahaja dapat dilihat daripada kelancaran program malah dari sudut menguruskan isu dan krisis yang berlaku sepanjang proses penganjuran program.



Fasilitator Khas, Puan Musliyana Mansor dalam ucapan penutupnya memaklumkan bahawa program ini telah mencapai objektif pelaksanaannya dan memberi pengalaman yang berharga kepada mahasiswa UPM dalam penganjuran dan pengurusan program. Beliau turut mengingatkan mahasiswa UPM untuk mengambil peduli akan elemen yang diterapkan dalam program ini kerana ia merupakan persediaan awal mahasiswa sebelum menempuh alam pekerjaan.

Aksesori daripada Manik, Pelajar UPM buat kelainan

Oleh: Ainul Balqis Azman

Serdang, 28 Disember 2024 - Aksesori dan perhiasan diri daripada manik seperti gelang tangan, cincin dan phone charm telah menjadi satu trend yang hangat dipergayakan oleh golongan wanita pada masa kini dan ini terbukti daripada sambutan yang memberangsangkan di gerai jualan *Jolly Beads* anjuran kelas kursus QKH2104 Usahawan Siswa Kumpulan 5 dengan kerjasama Majlis Perwakilan Kolej Serumpun yang telah menganjurkan Pasar Kuntum pada 28 hingga 29 Disember 2024 yang berlangsung di Dewan Putra 2, Kolej Serumpun, Universiti Putra Malaysia

Majlis perasmian gerai *Jolly Beads* telah disempurnakan oleh Puan Azwa Azhar, Fasilitator Khas Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) yang turut diserikan dengan gimik pemotongan riben dan disaksikan oleh para pelajar kursus. Selepas perasmian, jualan di gerai *Jolly Beads* mendapat sambutan hangat, dengan kehadiran pelajar dan kakitangan UPM mengunjungi dan menyokong.

Kreativiti serta bakat pelajar dalam menghasilkan aksesori manik terserlah, menarik perhatian ramai pembeli dan lebih menarik lagi, pembeli juga boleh memilih corak dan warna manik mengikut citarasa mereka, menjadikan setiap aksesori lebih unik dan peribadi.

Menariknya, pra-tempahan telah dibuka sebelum hari jualan, dengan hampir 100 tempahan berjaya diterima dalam masa beberapa hari sahaja malah jumlah tempahan terus meningkat apabila gerai jualan dibuka, membolehkan pembeli melihat dan menilai aksesori dengan lebih dekat dan teliti.

Hasil tinjauan mendapati kebanyakan pembeli berpuas hati dan gembira dengan kualiti aksesori serta perkhidmatan yang diberikan serta mereka juga berharap agar jualan seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan, kerana ia memberi peluang untuk mereka memilih aksesori buatan tangan mengikut citarasa masing-masing pada harga yang berpatutan.



91 Orang Peserta Memeriahkan Klinik “Spin Doctor” dan Perlawanan Pingpong U12 & U17 di Akademi Sukan UPM

Oleh: Irwany Batrisyia

Serdang, 4 Januari 2025 - Permainan sukan ping pong kini sudah semakin popular di kalangan anak-anak muda dan ini dapat dibuktikan dengan sambutan meriah daripada kalangan anak-anak muda yang datang untuk menyertai Klinik “Spin Doctor” dan Perlawanan Pingpong U12 & U17 anjuran pelajar kursus kredit berkokurikulum (QKS2114) dibawah naungan Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar yang bertempat di Dewan Serbaguna Akademi Sukan UPM.

Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar berkata bahawa dengan adanya Klinik “Spin Doctor” dan Perlawanan Pingpong U12 & U17 ini dapat meningkatkan kemahiran anak-anak muda dalam teknik dan strategi permainan dan juga dapat meningkatkan semangat persaingan yang sihat antara peserta.

Beliau turut menegaskan bahawa penganjuran pertandingan ini mampu menjadi platform untuk mengembangkan sukan ping pong ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya dalam kalangan anak muda yang kini banyak terdedah kepada dunia gajet. Aktiviti sebegini diyakini dapat menarik minat mereka untuk lebih aktif dan seimbang dari segi gaya hidup.

“Ini adalah sebahagian usaha pihak Universiti untuk memastikan anak-anak muda mahir dalam teknik dan strategi permainan dan mampu menarik minat golongan muda untuk menjadikan sukan ping pong ini sebagai hobi untuk meluangkan masa lapang,” katanya semasa acara perasmian Klinik “Spin Doctor” dan Perlawanan Pingpong U12 & U17 di Akademi Sukan UPM yang dihadiri oleh kira-kira 91 orang peserta.

Turut memeriahkan program ialah kehadiran dua pemain ping pong kebangsaan, Wong Qi Shen dan Brandon Fong Jay Shern. Mereka dijemput untuk berkongsi pengalaman serta memberikan penerangan berkaitan sukan ping pong, selain mempersembahkan demonstrasi teknik permainan kepada semua peserta yang menyertai pertandingan ini.

“Klinik dan pertandingan ini mampu memberi pendedahan dan menarik minat golongan muda dan ibu bapa akan keseronokan bermain ping pong dalam meningkatkan lebih banyak golongan yang aktif dalam sukan serta peranannya dalam memajukan ekonomi negara,” kata Prof. Madya Dr. Mursyid Arsyad, Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar yang turut hadir semasa upacara perasmian di Dewan Serbaguna Akademi Sukan UPM.





Program *Cheerful in Campus*: Gotong-Royong Mewujudkan Semangat Kebersamaan di UPM

Oleh: Nur Anis Mat Dahari

Serdang, 21–22 Disember 2024 – Program *Cheerful in Campus* anjuran pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit QKK2101 Bakti Siswa telah berlangsung di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dengan penyertaan 40 pelajar bersama seorang fasilitator dan enam wakil fakulti. Program ini bertujuan memupuk semangat gotong-royong, kerjasama serta rasa kebersamaan dalam kalangan mahasiswa UPM.

Sepanjang dua hari penganjuran, peserta berganding bahu membersihkan kawasan sekitar FBMK termasuk dewan kuliah, taman dan ruang umum. Aktiviti ini bukan sahaja menceriakan persekitaran kampus, malah meningkatkan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan bersama.

Program turut diserikan dengan sesi perkongsian dan bengkel kepimpinan yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan komunikasi, kerjasama pasukan dan peranan masing-masing dalam memastikan kejayaan sesuatu tugas. Sesi refleksi yang diadakan pada akhir program membolehkan peserta berkongsi pandangan serta pengalaman sepanjang terlibat dalam aktiviti.

Menurut penganjur, program ini berjaya mengukuhkan hubungan antara pelajar dan pihak fakulti serta meningkatkan nilai keprihatinan dalam kalangan mahasiswa. "Dengan adanya program sebegini, pelajar dapat merasai pengalaman bekerjasama secara langsung demi kebaikan bersama," katanya.

Program *Cheerful in Campus* diharap dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai usaha berterusan membentuk komuniti kampus yang harmoni, aktif dan bertanggungjawab.



QKK2101 Bakti Siswa | Teras Khidmat Komuniti | Fasilitator : Pn. Noridayu





Webinar Kemahiran dan Profesionalisme Tingkat Keyakinan Pelajar UPM

oleh : Nurul Aina binti Ali @ Mohd Asrol

Serdang, 4 Januari 2025 – Seramai lebih 90 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada kursus Kokurikulum Berkredit Seni Penghujahan (QKT2101) Kumpulan 3 dan 4 telah menjayakan Webinar Kemahiran dan Profesionalisme: Kemahiran Berkualiti, Profesionalisme Utama yang berlangsung secara dalam talian melalui aplikasi Zoom.

Program yang dirasmikan oleh fasilitator kursus, Encik Mohd Faisal Md Noor, bertujuan melahirkan graduan berpengetahuan tinggi serta berkeyakinan dalam kemahiran komunikasi, selain membentuk sahsiah diri yang terpuji dan pemikiran kritis.

Antara pengisian utama termasuk perkongsian persediaan temuduga oleh Cik Pavithra A/P Panir Selvam, persembahan budaya antarabangsa oleh pelajar dari Bangladesh, China, Libya dan Palestin, slot debat Bahasa Melayu bersama pendebat Muhammad Danish serta debat Bahasa Inggeris antara Kumpulan 3 dan 4.

Menurut penganjur, program ini memberi impak besar kepada pelajar dengan meningkatkan keyakinan diri, memperkukuh kemahiran komunikasi serta mewujudkan jaringan sosial antara mahasiswa dan komuniti antarabangsa.

Majlis penutup disempurnakan dengan ucapan fasilitator khas, Encik Mohd Farol bin Mohd Fauzi, yang menyifatkan penganjuran ini sebagai bukti kemampuan pelajar UPM menganjurkan program berimpak tinggi dalam pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah





Program Intervensi Madani Serlahkan Minat Membaca Murid Pendidikan Khas

oleh : Nur Wirda Binti Kamarudin

Putrajaya, 5 Januari 2025 – Suasana ceria dan penuh harapan menyelubungi SK Putrajaya Presint 17(1) apabila seramai 30 murid pendidikan khas berumur 7 hingga 9 tahun diraikan dalam Program Intervensi Madani, anjuran Kumpulan 2 Bakti Siswa dari Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, UPM dengan kerjasama NGO *We Care* (Kami Prihatin).

Inisiatif ini bertujuan memupuk minat membaca, meningkatkan keyakinan diri dan memperkenalkan sudut bacaan khas untuk murid-murid istimewa.

Eksplorasi Literasi & Sudut Bacaan Baharu

Kemuncak program ialah aktiviti *Literacy Explorace* adalah cabaran membaca yang menyeronokkan dan bebas tekanan. Murid-murid diberi peluang menelusuri dunia buku melalui aktiviti bercerita dan permainan literasi.

"Tak sangka membaca boleh jadi seronok macam ni!" ujar salah seorang murid dengan senyuman lebar.

Selain itu, sebuah sudut bacaan baharu turut dibina hasil gotong-royong guru, pelajar dan sukarelawan. Sudut ini lengkap dengan buku-buku bergambar dan tempat duduk selesa untuk mewujudkan suasana membaca yang kondusif dan mesra kanak-kanak.

Pendidikan Inklusif, Harapan Baharu

Pengarah program, Muhammad Amidy berkata, usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen UPM untuk menyediakan pendidikan yang inklusif dan menyeronokkan buat semua golongan.

"Setiap kanak-kanak berhak merasai nikmat ilmu, tidak kira apa jua keupayaan mereka," katanya.

Guru-guru turut memuji pendekatan program yang menekankan pembelajaran interaktif dan menyeronokkan dan amat sesuai untuk keperluan murid pendidikan khas.

Walaupun program ini hanya berlangsung dua hari, impaknya diyakini akan kekal berpanjangan melalui sudut bacaan yang kekal digunakan serta semangat membaca yang telah berjaya disemai.



Semarak Nilai Murni Melalui Gotong-Royong Mahasiswa Bersama Kepertama UPM

oleh : Nur Liyana Binti Mohd Rozi

Serdang, 4 dan 5 Januari 2025 – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus membuktikan komitmennya terhadap pembangunan nilai sivik dan semangat kemasyarakatan menerusi Program Gotong-royong bersama Kepertama. Program yang berlangsung selama dua hari ini dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar melalui Kursus Bakti Siswa (QKK2101), melibatkan kumpulan 18 bagi sesi 2024/2025.

Program ini berlangsung di kawasan Kepertama UPM. Program ini mengumpulkan pelajar dan kakitangan bahagian Kepertama UPM untuk bersama-sama menjalankan aktiviti pembersihan dan gotong-royong. Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk membersihkan kawasan hijau, mengutip sampah, membersihkan saluran, mengecat dinding serta memastikan kawasan persekitaran bangunan Kepertama berada dalam keadaan teratur.

Program ini bermatlamat untuk memupuk nilai-nilai seperti kerjasama, tanggungjawab sosial, dan kepedulian terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar. Sesuai dengan kursus yang diambil, "Bakti Siswa", ianya juga memberikan peluang kepada pelajar untuk membina hubungan erat dengan komuniti kampus, sambil menyumbang secara langsung kepada pemeliharaan kebersihan kawasan universiti.

Kesemua pelajar turut memanfaatkan pelbagai peralatan seperti penyapu daun, penyembur air, berus cat dan alatan pembersihan lain untuk memastikan aktiviti dijalankan dengan lancar. Sokongan penuh daripada pihak universiti, termasuk kehadiran staf Kepertama juga membantu melancarkan lagi perjalanan program ini.

Program Gotong-Royong Bersama Kepertama ini mencerminkan semangat UPM untuk terus berbakti kepada masyarakat dan melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Diharapkan, inisiatif seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi melahirkan lebih banyak pelajar yang berbakti.



PUTRA Sentuhan Kasih Perkasa Jiwa Prihatin Mahasiswa UPM

oleh : Adriana Nafisa Binti Mohd Natha Shah

Serdang, 5 Januari 2025 – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memperkukuh agenda pembentukan mahasiswa holistik melalui penganjuran Program PUTRA Sentuhan Kasih oleh pelajar Kursus QKK2101 (Bakti Siswa) Kumpulan 13. Program ini telah berlangsung selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Januari 2025 dengan penglibatan seramai 40 orang pelajar UPM dan 31 orang anak-anak yatim serta asnaf dari Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin, Banting, Selangor.

Berlangsung di Ladang 10 dan Bukit Ekspo UPM, program ini mengetengahkan pelbagai pengisian yang bersifat interaktif dan mendidik, antaranya Modul *Ice Breaking*, *Explorace Lumpur*, Latihan Asas Pertolongan Cemas, serta aktiviti Sukaneka. Melalui modul-modul ini, peserta berpeluang mengasah kemahiran komunikasi, kerjasama berpasukan, dan pengurusan emosi dalam suasana yang menyeronokkan namun berstruktur.

Selain menyantuni golongan memerlukan, program ini juga berfungsi sebagai platform latihan sendiri buat mahasiswa, khususnya dalam aspek perancangan, pengurusan logistik, pengendalian aktiviti, serta pembangunan sahsiah dan kepimpinan. Setiap jawatankuasa memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran program yang turut mendapat sokongan daripada fasilitator dan pihak Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar.

Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad yang turut menyampaikan cenderahati kepada pihak Rumah Anak Yatim dan penghargaan kepada para peserta. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan penglibatan mahasiswa dalam khidmat komuniti sebagai satu bentuk latihan lapangan yang mampu melahirkan graduan berjiwa rakyat.

Program PUTRA Sentuhan Kasih berjaya mencapai objektifnya dalam menyemai nilai-nilai murni, menggalakkan interaksi sosial yang sihat serta memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti. Usaha ini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang dalam usaha melahirkan generasi mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga cakna dan berdaya saing dalam masyarakat.



Jalinan UPM dan BRDB *Rotary Children's Residence* dalam Program CHATTERBOX

Oleh: Sofea Natasha Binti Ajamain

Seri Kembangan, 4 Januari 2025 – Teknik pengucapan awam meningkatkan kebolehpasaran seseorang individu, dan teknik ini menjadi unsur utama dalam Program CHATTERBOX yang telah dianjurkan oleh pelajar Kumpulan 1 Kursus Kokurikulum Berkredit QKT2101 Seni Penghujahan di BRDB *Rotary Children's Residence* (BRCR),

Program yang melibatkan 40 orang pelajar Universiti Putra Malaysia serta seorang fasilitator telah mendapat sambutan hangat daripada 67 orang pelajar BRDB *Rotary Children's Residence*.

Pada awalnya, program ini telah dimulai dengan ucapan oleh Dato' Sri Akhbar Khan, Pengarah Pusat Jagaan Kanak-kanak, BRDB *Rotary Children's Residence*. Beliau menekankan pelaksanaan pelbagai usaha dalam membantu membentuk modal insan yang akan berbakti kepada negara pada masa hadapan.

Kehadiran pelajar UPM untuk membuat program CHATTERBOX yang bertujuan untuk memupuk kemahiran pengucapan awam dalam kalangan generasi muda adalah sangat dialu-alukan, ulas Dato' Sri Akhbar Khan dengan lebih lanjut.

Antara aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang program termasuklah "Let Me Tell You A Story", "Making The World A Better Place" dan "Treasure Hunt" yang bertujuan memupuk keyakinan diri generasi muda agar yakin untuk tampil di hadapan orang ramai, memiliki pemikiran yang kritis dan kreatif, serta membentuk semangat kerjasama dalam kalangan generasi muda.

Adalah diharapkan agar program ini dapat memberikan manfaat dan pendedahan yang mencukupi tentang teknik pengucapan awam kepada pelajar BRDB *Rotary Children's Residence*, ucap pengarah program CHATTERBOX dalam majlis penutupan program ini pada petang 4 Januari 2025 tersebut



QKT2101 Seni Penghujahan | Teras Pengucapan Awam
Fasilitator : En. Othman Kareem

Volley Splash – Gabungan Sukan & Keseronokan Air!

Oleh: Khaleda Farris dan Hazira Hamiza Kadir

Serdang, 4 Januari 2025- Acara menarik telah diadakan di Kolam Renang Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu permainan Volley Splash. Acara ini merupakan satu bentuk sukan rekreasi yang menggabungkan elemen bola tampar dan sukan air. Dengan suasana yang meriah dan penuh semangat, Volley Splash telah menarik perhatian ramai peserta dan penonton, terutamanya pelajar UPM yang ingin mencuba sesuatu yang baru dan mencabar.

Walaupun hujan lebat, acara Volley Splash di Kolam Renang UPM pada 4 Januari 2025 tetap berlangsung dengan meriah. Ia membuktikan bahawa, walaupun cuaca tidak selalu menyebelahi, semangat dan ketekunan peserta mampu mengatasi segala rintangan. Acara ini menjadi kenangan manis dan satu simbol kepada semangat juang yang tidak mengenal cuaca.

Keseluruhan acara ini berjaya mencipta kenangan indah dan mempererat hubungan antara pelajar dan komuniti UPM. Volley Splash telah membuktikan bahawa sukan air boleh dijadikan platform untuk berhibur sambil meningkatkan kecergasan fizikal serta mengeratkan hubungan sosial.

Permainan ini dimainkan di kolam renang, di mana dua pasukan bersaing untuk menjaringkan bola ke kawasan lawan menggunakan tangan, sama seperti permainan bola tampar pantai. Namun, keunikan permainan ini terletak pada faktor air yang memberikan cabaran tambahan kepada peserta. Peserta perlu mengawal pergerakan mereka dalam air sambil berusaha untuk memastikan bola tidak jatuh ke dalam kolam mereka sendiri. Keadaan ini menuntut mereka untuk mempunyai ketangkasan, kekuatan fizikal, dan strategi yang baik.

Pada hari tersebut, pelbagai aktiviti sampingan turut dijalankan, termasuk jualan makanan dan mencipta slogan kreatif bagi setiap kumpulan. Aktiviti ini dapat memupuk semangatkerjasama dan kreativiti setiap pasukan.



Kembara Alam, Pembentuk Kepimpinan: Kejayaan Program *Outdoor Odyssey*

Oleh: Farah Farisha Binti Che Baharudin, Norallia Najwa Binti Norizam dan NurWajahah Maisarah Binti Roslan

Puchong 5 Januari 2025 - Program *Outdoor Odyssey* telah dianjurkan oleh pelajar Kursus Asas Kembara QKS2121, Universiti Putra Malaysia (UPM) di *Sultan Idris Shah Forestry Education Centre (SISFEC)*, Puchong, pada 3 hingga 5 Januari 2025. Seramai 35 pelajar telah menyertai program ini yang bertemakan "Mengejar Impian, Mengeksploitasi Alam" dengan objektif utama memupuk kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan dan komunikasi dalam kalangan peserta.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti *explorace*, *jungle tracking*, latihan pertolongan cemas, perkongsian kemahiran *survival*, dan aktiviti malam seperti barbeku dan malam kebudayaan. Semua aktiviti ini memberi peluang kepada peserta untuk meneroka alam semula jadi sambil belajar tentang keselamatan, kerjasama dan daya tahan diri dalam suasana mencabar namun menyeronokkan.

Program ini juga memberi penekanan kepada aspek kepimpinan, di mana peserta diberi peluang untuk memimpin kumpulan dalam menyelesaikan tugas dan menangani cabaran yang melibatkan perbezaan pendapat dan tekanan masa. Aktiviti-aktiviti ini membantu peserta memahami pentingnya komunikasi efektif, empati serta pengurusan konflik dalam sesebuah organisasi kecil.

Maklum balas daripada peserta amat memberangsangkan. Ramai yang menyatakan program ini bukan sahaja memberikan pengalaman baharu dalam suasana luar, tetapi juga menyedarkan mereka tentang pentingnya ilmu *survival*, tanggungjawab, dan peranan sebagai pemimpin. Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad turut menggalakkan pelajar untuk terus memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh dalam kehidupan seharian.

Keseluruhannya, *Outdoor Odyssey* bukan sekadar program perkhemahan, malah menjadi wadah pembangunan sahsiah diri dan semangat kepimpinan. Ia diharapkan dapat diteruskan sebagai platform latihan luar bilik kuliah yang membentuk generasi muda UPM yang berdaya saing, beretika dan mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara.



Hobi Memancing Membawa Keuntungan Kepada Mahasiswa dan Komuniti

Oleh : Nur Alieyana Binti Azrul

Serdang, 4 Januari 2025, 19 Januari 2025 – Pertandingan Memancing Amatir 2025 yang dianjurkan oleh pelajar Kursus Kokurikulum Memancing (QKS 2118) Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghimpunkan lebih 140 peserta termasuk komuniti tempatan dan warga kampus di Kolam 2 Bukit Ekspo. Bertemakan "Bangau Itu Pasti, Pacak Itu Rezeki" yang diangkat selaras dengan objektif program berjaya menyampaikan mesej tentang usaha dan ketabahan.

Pertandingan ini telah dirasmikan oleh fasilitator khas Encik Mohd Farol Faudzi. Program selama dua hari bertujuan memupuk semangat perpaduan dan mempromosikan hobi memancing sebagai aktiviti bermanfaat dan mampu memberi keuntungan.

Menurut fasilitator dari Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof. Madya Dr. Hazrul Azri dan Dr. Ziyad Zaharim, program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menguruskan program berskala besar secara profesional.

Antara aktiviti menarik adalah sesi 'pacak pancang' dan sesi pendedahan teknik memancing air tawar oleh pakar. Para peserta kelihatan ceria sepanjang pertandingan dan bersemangat menyertai sesi bergambar bersama pemenang.

Selain itu, para pelajar yang mengambil subjek QKS 2218 (memancing) berjaya mendapat pendedahan kepada kaedah penganjuran dan ini membantu kami memahami cabaran sebenar pengurusan acara, dan pengalaman ini amat berguna untuk masa depan," kata Hasif Farhan Bin Hamzah, Pengarah Program.

Johan pertandingan membawa pulang hadiah tunai RM500, manakala peserta lain menerima pelbagai hadiah saguhati yang disumbangkan oleh penaja utama TCE TACKLES dan penaja bersama UPM Holdings Sdn. Bhd.

Penganjur berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai acara tahunan bagi mengukuhkan hubungan komuniti dengan para pelajar serta mempromosikan nilai-nilai positif melalui aktiviti santai seperti memancing.



QKS2118 Memancing | Teras Sukan
Fasilitator : Prof. Madya Dr. Azrul Hazri Jantan & En. Mohd Ziyad Afiq Mohd Zaharim



Rasa Lokal: Pengunjung Memeriahkan Foodtra Ventures UPM

Oleh: Siti Maryam Binti Efendi

Serdang, 4 Januari 2025– Foodtra Ventures 2025 anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berlangsung meriah selama dua hari di Akademi Sukan UPM. Program ini menyetengahkan elemen keusahawanan melalui aktiviti jualan dan kerjasama antara pelajar dari Kursus Usahawan Siswa (QKH 2104) dan Kursus Ping-Pong (QKS 2114).

Program bertemakan "Rasa Lokal" ini bertujuan meningkatkan kemahiran keusahawanan pelajar melalui pengalaman praktikal. Timbalan Pengarah Program, Camy Wong, menjelaskan, "Melalui program ini, pelajar belajar merancang, melaksana, dan mengurus aktiviti jualan secara profesional serta memahami pentingnya sokongan terhadap keusahawanan tempatan."

Pelbagai gerai makanan dan minuman disediakan untuk memenuhi keperluan peserta serta pengunjung. Aktiviti menarik termasuk pertandingan ping-pong turut memeriahkan suasana. "Khemah jualan bukan sahaja memenuhi keperluan peserta, tetapi juga mencipta pengalaman belajar yang interaktif untuk pelajar," tambah Cik Ang Xin Tong, fasilitator program.

Seramai 100 pengunjung pada hari pertama dan 70 pengunjung pada hari kedua hadir untuk menikmati suasana keusahawanan yang disediakan. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran komunikasi mereka dengan pelanggan dari pelbagai latar belakang.

Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad, Pengarah Pusat Kokurikulum, menyatakan, "Program seperti ini menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar, selari dengan aspirasi UPM untuk melahirkan graduan yang serba boleh."

Dengan impak positif kepada komuniti, pelajar, dan universiti, Foodtra Ventures 2025 membuktikan bahawa keusahawanan dapat digabungkan dengan pembangunan pelajar untuk menghasilkan modal insan seimbang dan berkualiti.



Transformasi Ruang Awam dan Ibadah: Pengurusan Nurseri dan Tatarias Pokok Hiasan di Pusat Pertanian Putra dan Masjid UPM

Oleh : Muhammad Irshad Bin Nor Azhar

Serdang, 12 Januari 2025- Seramai 40 pelajar UPM dari Pusat kokurikulum dan Pembangunan Pelajar terlibat dengan Program Khidmat Bakti: Pengurusan Nurseri dan Tatarias di Pusat Pertanian Putra dan Masjid UPM

Tujuan program adalah untuk menabur bakti semula kepada universiti dengan menaik taraf landskap fasiliti di universiti iaitu di Pusat Pertanian Putra dan Masjid UPM.

Pengarah program, Sanjay Kumar A/L Sasikumar berkata dalam temu bual bersamanya: "Matlamat program Khidmat Bakti ini adalah untuk berkhidmat kepada ahli universiti yang telah banyak berjasa kepada kita para pelajar"

Beliau menambah "Saya berharap agar semua pelajar yang terlibat dapat menjadi insan yang bermoral dan dapat berbakti kepada universiti secara ikhlas" Dalam program dua hari ini, pelajar belajar mengenai cara pengurusan tanaman hiasan serta pengurusan nurseri, serta pengendalian tanaman, bermula di Pusat Pertanian Putra.

Pada hari kedua, peserta berpeluang menyumbang kepada keharrmonian dan kecantikan masjid yang digunakan oleh ramai orang, seterusnya memberi impak langsung terhadap masyarakat.

Secara keseluruhan, program ini memberi peluang untuk belajar penjagaan tanaman serta tatarias landskap sambil memberi sumbangan kepada masyarakat, menjadikan pengalaman yang bermanfaat dan menarik kepada pelajar yang terlibat.

UPM Badminton Open 2024: Platform Pelajar Serlah Bakat dan Kepimpinan

oleh : Emilia Umaira Zulkifli Gan

Serdang, 22 Disember 2024 – Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjadi gelanggang aksi penuh semangat apabila UPM Badminton Open 2024 berlangsung dengan jayanya pada 21 dan 22 Disember 2024. Program ini dianjurkan oleh para pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit Badminton (QKS2102) Kumpulan 2 dan 3, Semester Pertama Sesi 2024/2025, di bawah seliaan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar.

Bertemakan “Smash It and Win It”, kejohanan ini menghimpunkan seramai 112 peserta yang bersaing dalam kategori beregu tanpa mengira peringkat umur. Program ini bukan sekadar medan pertandingan, malah menjadi ruang pembelajaran aktif kepada para pelajar dalam mengasah kemahiran kepimpinan, komunikasi, dan pengurusan acara secara langsung.

Menurut Pengarah Program, Reffene Izzafden bin Mohamad Rafie Lim, kejohanan ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk keluar daripada zon selesa dan merasai cabaran sebenar dalam menguruskan program berskala besar. “Kami belajar bukan sahaja tentang badminton, tetapi juga tentang pentingnya kerja berpasukan, disiplin dan perancangan rapi,” ujar beliau.

Sepanjang dua hari penganjuran, pertandingan berlangsung meriah dengan suasana kompetitif yang sihat. Para peserta menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi, manakala pelajar penganjur turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran setiap aspek program – dari logistik, pendaftaran hingga ke protokol dan publisiti.

Fasilitator program, Dr. Khairul Nizam bin Samsudin dan En. Muhammad Qusyairi Jori Roslan turut memuji kesungguhan pelajar yang terlibat. Mereka menyifatkan kejohanan ini sebagai cerminan kejayaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang diamalkan UPM.

Secara keseluruhannya, UPM Badminton Open 2024 bukan sahaja mencungkil bakat sukan dalam kalangan peserta, malah memperkukuh nilai insaniah dan semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa selari dengan matlamat melahirkan graduan holistik dan berdaya saing.





Kejohanan Sepak Takraw Piala AISO 2025: Pentas Bakat Muda dan Perpaduan Komuniti

Serdang, 12 Januari 2025 - Kelas Sepak Takraw (QKS 2109) Kumpulan 1 Kursus Kokurikulum Berkredit, Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Piala AISO 2025. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dalam komuniti sepak takraw di Malaysia sambil mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi dalam sukan tradisional ini.

Selain itu, program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar kelas sepak takraw (QKS 2109) dalam merancang dan mengurus tadbir sesuatu kejohanan. Kejohanan ini mendapat sambutan luar biasa dengan penyertaan lebih daripada 50 regu dari seluruh Malaysia, melibatkan pelbagai lapisan umur dan lokaliti yang turut memeriahkan suasana pertandingan.

Dr. Rozzamri Ashari, turut menyatakan, "Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat baru daripada semua lapisan umur, selain menjadi peluang untuk mengukuhkan komuniti di seluruh Malaysia." Beliau juga turut merasmikan kejohanan tersebut dengan penuh semangat, sambil menekankan kepentingan sukan dalam membentuk perpaduan dan semangat kesukanan di kalangan masyarakat. Istimewanya, program ini mendapat sokongan dan tajaan daripada pemain sepak takraw kebangsaan, Aidil Aiman, yang juga merupakan pengasas syarikat AISO Sdn. Bhd.

"Pertandingan seperti ini merupakan platform penting dalam memupuk komuniti yang aktif dan menyatupadukan masyarakat melalui sukan, di samping melahirkan bakat baharu dalam industri sukan sepak takraw," ujar Aidil Aiman ketika ditemui.

Kejohanan ini juga turut dimeriahkan dengan gimik perasmian yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia, Ts. Dr. Rozzamri Ashari dan Aidil Aiman.

Kejohanan yang berlangsung selama 12 jam ini telah melabuhkan tirai dengan pasukan UPM AISO C dinobatkan sebagai Johan, diikuti UPM AISO B sebagai Naib Johan dan pasukan LC Wildan B dan MEX berkongsi kedudukan di tempat Ke-3 dan Ke-4.

Salah seorang pemenang berkata, "Kejohanan seperti ini wajar diperbanyakkan lagi kerana bukan sahaja mampu menyihatkan warga berusia malah sukan ini boleh dimainkan oleh semua golongan tanpa mengira had umur." Kejohanan ini membuktikan bahawa sukan tradisional seperti sepak takraw masih relevan dalam kehidupan masyarakat moden dan mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan serta gaya hidup sihat.

Pihak penganjur berharap kejohanan ini menjadi acara tahunan yang terus menyemarakkan semangat sukan tanah air, mencungkil bakat baharu, dan menonjolkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sepak takraw. Dengan kejayaan edisi Kejohanan Sepak Takraw Piala AISO 2025 ini, diharapkan lebih banyak program sukan komuniti dapat dianjurkan untuk terus menyokong pembangunan sukan tradisional, kesihatan masyarakat, dan perpaduan negara.



Pelajar UPM Menganjurkan *Golf Clinic* Mempromosi Golf kepada Masyarakat

Oleh : Wee Yi Jie

Serdang, 21 Disember 2024 - Seramai 28 orang peserta telah menyertai *Golf Clinic* yang dianjurkan oleh pelajar UPM QKS2105 Golf Semester 2024/2025 pada 21 Disember 2024 bertempat di Uniputra Golf Club, UPM.

Golf Clinic ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran asas para peserta dalam teknik-teknik golf di samping membangunkan pemahaman dan taktikal di kalangan para peserta.

Pengarah Program, Nur Syasya Afriena binti Amran berkata, pendedahan tentang permainan golf semakin kekurangan dalam kalangan warga muda terutamanya para pelajar. Program ini adalah inisiatif penting dalam memupuk minat dalam sukan golf bagi generasi pelapis negara.

Penganjuran *Golf Clinic* ini terbahagi kepada 2 sesi iaitu sesi pertama adalah berfokuskan pendedahan kepada sukan golf dan kemahiran hayunan golf. Peserta dapat menimba ilmu dan berpeluang untuk merasai pukulan golf di Padang Latihan Golf (*Driving Range*).



Sesi kedua pula disusuli dengan pertandingan di kalangan peserta melalui sesi mini games yang bertumpukan kepada kemahiran short games iaitu kemahiran chipping bola golf.

Pada akhir program sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh fasilitator khas iaitu Encik Wan Zaharuddin bin Wan Abdullah @ Wan Abd Rahman.



Pelajar UPM Menerapkan Seni Batik di Kalangan Murid Tadika

Oleh : Nur Saheerah Binti Rafiq Ravindran

Serdang, 11 Januari 2025- Program Citra Batik yang berlangsung baru-baru ini mendapat perhatian ramai dengan pelancaran sebuah *e-book* istimewa, iaitu modul mencanting batik yang ditulis sendiri oleh para pelajar.

E-book tersebut mengandungi dokumentasi lengkap mengenai proses pembelajaran mencanting batik, lengkap dengan gambar-gambar pelajar dan proses pembuatan batik. Inisiatif ini bukan sahaja memartabatkan seni batik, malah menjadi panduan berguna untuk generasi akan datang.

Bagi mengekalkan warisan batik daripada terus suram dan dilupakan, seramai 80 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Program Citra Batik di Dewan Putra, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP).

Program Batik Seni Warisan Negara mendapat sambutan yang hangat dengan kehadiran lebih dari 100 orang peserta terdiri daripada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) juga warga KPT Zon 1 Taman Lestari Permai Seri Kembangan. Program ini adalah merupakan anjuran pelajar kursus QKH2103 Canting Batik dengan dibimbing oleh dua fasilitator yang berbakat iaitu En Mohd Isnain bin Ali dan Cik Dewe Murni binti Shukri.


Aktiviti canting batik yang diadakan buat julung kalinya ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada generasi muda tentang seni batik yang merupakan warisan budaya kebanggaan masyarakat Melayu sekaligus bagi memastikan tradisi mencanting batik terus berkembang pada masa hadapan.

Menariknya, salah seorang peserta istimewa dalam program ini ialah Nurul Hadfina binti Afande, seorang individu OKU yang turut mengambil bahagian dalam mempelajari seni mencanting batik. Nurul Hadfina meluahkan rasa gembira kerana berpeluang mengajak keluarganya bersama-sama menikmati pengalaman mencanting batik, satu aktiviti yang sangat diminatinya.

"Perasaan saya tentang program mencanting batik ini sangatlah menggembirakan. Saya berasa amat teruja kerana dapat melibatkan seluruh keluarga saya untuk sama-sama merasai pengalaman yang begitu menyenangkan, seperti yang saya alami semasa menyertai program ini."

Terdapat juga pelbagai aktiviti yang menarik di dalam bengkel ini, termasuk pameran batik, jualan bermotifkan batik, mencanting serta mewarna batik. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk memberi pengalaman baru serta ilmu kepada peserta.

Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Mohd Mursyid Arshad dan Fasilitator Khas kursus QKH2103 Batik Canting Universiti Putra Malaysia, En Mohd Farol bin Mohd Faudzi.





Masa Depan Bola Sepak Bermula di Sini: Kejohanan U-10

Oleh: Tiew Chiao Wen



Serdang, 18 Januari 2025– Suasana meriah di Padang A, Universiti Putra Malaysia (UPM) bergema dengan sorakan dan gelak tawa apabila Kejohanan Bola Sepak Bawah 10 Tahun berjaya dianjurkan dengan penyertaan lapan pasukan dari seluruh negeri Selangor. Pertandingan ini menjadi medan buat bakat-bakat muda mempamerkan kemahiran serta semangat kesukanan mereka.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Seksyen Pembangunan Pelajar, Encik Fahmi Azar Mistar, kejohanan ini merupakan platform penting untuk mencungkil potensi pemain muda sejak di peringkat akar umbi. Beliau turut menekankan bahawa usaha ini mampu membina asas kukuh bagi perkembangan bola sepak negara.



“Karnival ini mampu mencungkil lebih banyak bakat muda dan membina asas yang mantap untuk bola sepak tanah air,” katanya ketika berucap dalam majlis perasmian kejohanan tersebut.

Pertandingan yang berlangsung sepanjang hari itu berjaya menarik perhatian ibu bapa, penyokong serta komuniti setempat yang hadir memberi sokongan padu kepada pemain-pemain cilik. Kejohanan ini bukan sahaja menjadi medan persaingan sihat, malah menyemarakkan lagi semangat kesukanan dalam kalangan generasi muda.



Kejayaan penganjuran acara ini membuktikan bahawa bola sepak kanak-kanak mempunyai masa depan yang cerah. Semangat juang dan bakat yang dipamerkan oleh pemain muda menjadi inspirasi untuk semua pihak agar terus menyokong pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

Pemanah Elit Berkumpul di Putra Archery Tournament 2025

Oleh: Nur Izatul Ainna Binti Md Daud

Serdang, 11 Januari 2025- Pada tanggal 11 Januari, Putra Archery Championship 2025 telah mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang bermula dari golongan kanak-kanak sehingga golongan dewasa. Seramai 43 peserta dari negeri Selangor telah mengambil tempat dalam pertandingan memanah yang telah dianjurkan oleh Kursus Kokurikulum Berkredit Memanah dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM.

Menurut Ts. Dr. Rozzamri Ashari yang merupakan Timbalan Pengarah (Kokurikulum Berkredit) sukan memanah adalah salah satu aktiviti yang menarik dan menuntut ketepatan serta konsentrasi yang tinggi dan sukan ini sangat digalakkan lebih-lebih lagi kepada generasi muda yang akhirnya akan melahirkan atlet-atlet memanah yang tangkas di persada dunia.

Pengarah program, Aiman Hakim Bin Rushdan Ridla berpendapat pertandingan sukan memanah ini adalah satu platform yang sangat baik untuk mengetengahkan bakat pemanah-pemanah muda serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan peserta. Kami percaya bahawa sukan memanah bukan sahaja menguji ketepatan dan fokus, tetapi juga melatih daya tahan mental dan fizikal para peserta.

"Matlamat utama kami adalah untuk menjadikan pertandingan ini sebagai acara yang dapat menyatukan komuniti, mencetuskan minat terhadap sukan memanah, dan mengiktiraf pencapaian atlet-atlet yang berbakat."

"Melalui pertandingan ini, kita bukan sahaja dapat mencungkil bakat baharu dalam sukan memanah, malah turut memupuk nilai-nilai murni seperti kerjasama, disiplin, dan persahabatan dalam kalangan peserta."

Muhamad Farid bin Md Shukri, 42 yang tidak terkecuali dalam menjayakan program Putra Archery Championship 2025 telah membuktikan bahawa had umur tidak sama sekali menghalangnya untuk turut serta dalam pertandingan memanah yang bertempat di Lapangan Sasar Memanah UPM baru-baru ini.

"Saya merasa sangat bangga dapat berpartisipasi dalam pertandingan ini. Pengalaman ini benar-benar menguji konsentrasi dan ketenangan saya di bawah tekanan. Meskipun persaingannya ketat, saya menikmati setiap detik di lapangan." Katanya.

Menurutnya lagi, "Para peserta lain sangat berbakat dan kompetitif. Saya terinspirasi oleh kemampuan mereka, dan itu membuat saya termotivasi untuk terus belajar dan berkembang."



Pelajar UPM Peka Tuntutan Asas Agama

Oleh: Nurul Shaziela Mohd Zawawi

Serdang,, 19 Januari, 2025 - Tahap kesedaran tentang amalan penerapan nilai halal dalam kalangan mahasiswa masa kini kian diambil cakna oleh mahasiswa dengan kehadiran para pengunjung ke program *Islamic Excellent* dengan kerjasama pihak Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelaksanaan program ini telah dijalankan oleh kumpulan mahasiswai, iaitu seramai 38 orang yang merupakan ahli kursus QKW 2110 Pengurusan Masjid. Program ini telah dirancang dengan baik walaupun universiti tersebut tidak mempunyai bidang pengkhususan pengajian Islam seperti universiti-universiti awam yang lain.

Program ini telah diadakan di Dewan Al Khawarizmi, Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (PIUPM) pada 19 Januari 2025. Sebagai usaha bagi memantapkan tahap kesedaran tentang amalan penerapan halal dan nilai-nilai agama, para peserta berpeluang melakukan pelbagai aktiviti yang menarik seperti ceramah kesedaran tentang halal, kuiz amalan penerapan halal, permainan berseghmen mengenai asas-asas agama dan pertandingan pekhutbah terbaik.

Turut hadir bersama, Timbalan Pusat Pembangunan Kokurikulum & Pembangunan Pelajar (PKPPP) UPM, iaitu Ts. Dr. Rozzamri Ashari. Beliau berkata sewaktu ucapan perasmian bahawa manfaat program seumpama ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan dapat mengetahui cara untuk menyelesaikan masalah serta baik untuk dilaksanakan.

"Cabaran ini untuk anda pelajari dalam peningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran penyelesaian masalah secara kritikal."

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah ceramah kesedaran halal, kuiz tentang kesedaran halal, pertandingan membaca khutbah dan permainan "*Let's Play*" yang mencabar minda peserta untuk menjawab soalan-soalan berkaitan asas agama.

Melalui inisiatif pelaksanaan program komuniti ini, pihak penganjur dapat membuka minda dalam kalangan para siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang kepentingan penerapan amalan halal dalam kehidupan seseorang muslim memandangkan hal tersebut merupakan satu kewajipan bagi semua umat Islam.



Bakat Muda Serlah di Gelanggang Astaka Seni UPM

Oleh: Poh Kok Hao

Serdang, 18 Januari 2025– Kejohanan 3x3 Bola Keranjang Lelaki Bawah 25 Tahun Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berlangsung dengan meriah pada 18 Januari 2025 di Gelanggang Bola Keranjang Astaka Seni UPM.

Kejohanan ini dianjurkan bagi memperkasakan elemen rohani, jasmani dan emosi pelajar di samping memberi peluang kepada mereka menimba pengalaman serta pengetahuan dalam menguruskan sesebuah acara berbentuk sukan komuniti.

Seramai 70 orang pelajar UPM daripada Kursus Kokurikulum Berkredit Qks2115 Bola keranjang Kumpulan 1 dan 2 Semester Pertama Sesi 2024/2025 telah terlibat sebagai penganjur, manakala 100 peserta terdiri daripada pelajar UPM, komuniti luar dan pelajar universiti lain turut menyertai kejohanan ini. Sebanyak 25 pasukan lelaki bawah 25 tahun telah bersaing dalam kejohanan menggunakan format pertandingan liga satu pusingan, suku akhir, separuh akhir dan akhir.

Selain perlawanan utama, turut diadakan pertandingan "3 Point Contest" yang mendapat sambutan hangat daripada para peserta. Pertandingan ini bukan sahaja menyerlahkan bakat, malah memberi peluang kepada pemain untuk mengasah kemahiran individu dalam suasana kompetitif.

Tahniah diucapkan kepada pasukan yang muncul juara Kejohanan 3x3 Bola Keranjang Lelaki Bawah 25 Tahun UPM 2025. Pihak penganjur turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada usaha memperhebatkan lagi semangat kesukanan serta melahirkan lebih ramai atlet muda yang berdaya saing demi kecemerlangan sukan negara.





Liga Sepak Penalti Terbuka UPM Semarakkan Semangat Kesukanan

Oleh: Low Jia Ying

Serdang, 11 Januari 2025 – Padang Bola Sepak C, Universiti Putra Malaysia (UPM) gamat dengan sorakan apabila Pertandingan Liga Sepak Penalti Terbuka UPM berjaya dianjurkan dengan penyertaan peserta daripada pelbagai lapisan umur termasuk pelajar universiti, komuniti luar serta kanak-kanak.

Pertandingan anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) bersama pelajar Kursus QKS2101 Bola Sepak Kumpulan 1 ini diadakan bagi memupuk semangat setiakawan, mengeratkan silaturahim dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan yang bermanfaat. Sebanyak 35 orang peserta menyertai kejohanan ini daripada sasaran 80 orang yang ditetapkan.

Dengan format liga yang tersusun, peserta diuji ketepatan, fokus dan kemahiran dalam situasi tekanan tinggi. Mereka bersaing di peringkat kumpulan sebelum mara ke pusingan kalah mati hingga ke perlawanan akhir. Pertandingan ini bukan sahaja menyeronokkan tetapi turut memberi pendedahan kepada pelajar UPM dalam aspek pengurusan acara, pengadilan perlawanan dan penyusunan jadual pertandingan.

Menurut jawatankuasa pelaksana, kejohanan ini juga membuka ruang untuk mengenal pasti bakat baharu yang berpotensi mewakili universiti dalam acara sukan. Selain itu, ia turut memberi impak positif kepada komuniti melalui pengukuhan hubungan pelajar dengan masyarakat setempat serta penerapan nilai tanggungjawab sosial dan kerjasama.

Majlis penutup menyaksikan penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang yang membawa pulang trofi, pingat serta wang tunai. Penganjur merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pertandingan ini. Program sebegini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha memperkukuh semangat kesukanan, mencungkil bakat muda dan menyemarakkan lagi sukan bola sepak di peringkat universiti serta komuniti.



Sesi Taekwondo Luar Biasa: Thinagaran Naidu, Juara Dunia, Latih 120 Peserta dengan Gaya!

Oleh: Auni Alwi

Serdang, 19 Januari 2025, - Program Taekwondo UPM Madani: Bengkel Asas 2025 yang anjuran 30 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kelab Taekwondo ATA ini diketuai oleh atlet dunia, Thinagaran Naidu, berjaya menerima penyertaan hampir 120 peserta.

Program ini bertujuan untuk memupuk nilai disiplin, rasa hormat, dan semangat berpasukan dalam kalangan peserta sambil memberikan pendedahan kepada asas seni mempertahankan diri.

Peserta juga mempelajari teknik taekwondo asas yang berkesan, bukan sahaja bagi meningkatkan keyakinan diri tetapi juga memberi mereka kemahiran untuk melindungi diri sendiri.

Thinagaran Naidu, yang terkenal dengan kejayaannya di peringkat antarabangsa, memberi bimbingan langsung kepada para peserta dengan pengalaman luasnya dalam dunia taekwondo.

Program ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran Master Sivashangkar, pengasas Kelab Taekwondo ATA beserta barisan pelatih Taekwondo yang dilengkapi dengan ilmu kemahiran seni bela diri Taekwondo bagi membimbing peserta-peserta sepanjang program dijalankan.

Pengarah program, Cik Yasmin Syamini menyatakan tujuan dan harapannya terhadap program ini ketika memberi ucapan ketika majlis penutup yang berlangsung pada hari tersebut.

Beliau berkata, "Adalah penting untuk masyarakat hari ini mempunyai kemahiran asas pertahanan diri bagi melindungi diri dan orang tersayang. Saya berharap program ini memberi pengalaman pembelajaran terbaik kepada semua peserta." Beliau turut menyatakan harapan bahawa bengkel ini akan menjadi titik permulaan untuk peserta mengenali taekwondo dengan lebih mendalam dan mungkin menyertainya secara serius

Sambutan yang luar biasa daripada para peserta membuktikan minat yang tinggi terhadap seni mempertahankan diri, menjadikan program ini sebagai satu kejayaan besar untuk semua pihak yang terlibat.



Tingkat Kesedaran Bijak Kewangan melalui *Bubble Run*

Oleh : Alieq Mukhriz Bin Zairul Fais

Serdang, 19 Januari 2025, - Mensasarkan lebih 300 peserta dari mahasiswa UPM serta warga setempat, program larian Bubble Run ini diadakan bagi berkongsi mengenai kepentingan mengurus kewangan dan secara tidak langsung mempromosikan gaya hidup sihat di dalam kalangan Masyarakat.

Seramai 38 orang pelajar dari Kursus QKH2104 Usahawan Siswa Kumpulan 4 menganjurkan program larian Bubble Run di Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia. Program ini dirasmikan pada 8.00 pagi oleh Ts. Dr. Rozzamri Ashari, Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Seksyen Kursus Kokurikulum Berkredit.

Pengarah program, Hanan berkata, "Yang lebih menariknya lagi, *Bubble Run* sejauh 3.5km ini turut mempunyai permainan mini bagi memfokuskan kesedaran pentingnya pengurusan kewangan di zaman serba mencabar ini. Selepas tamat larian, peserta dialu-alukan untuk singgah di khemah-khemah kecil untuk bermain permainan mini serta pelbagai hadiah menarik tersedia."

"Larian bertemakan buih yang diadakan buat julung kalinya ini bukan sahaja mewujudkan kesedaran di kalangan mahasiswa tetapi juga mengenai kepentingan pengurusan kewangan disamping membudayakan gaya hidup aktif dan sihat dalam kehidupan."

Seorang peserta, Encik Ahmad Fahmi Ammar Bin Rahim berkata, acara ini menggabungkan larian dengan gelembung sabun yang berwarna-warni diadakan berjaya, dan ia sangat sesuai untuk semua peringkat umur. "Sangat menikmati pengalaman menyertai *Bubble Run*. Suasana yang ceria, ketawa, dan gelembung sabun yang melimpah di sepanjang laluan memberi tenaga positif kepada saya. Pengurusan acara juga sangat baik, dengan kemudahan yang lengkap dan staf yang sangat mesra. Saya berasa sangat teruja dapat menjalani aktiviti sihat yang menarik ini. Terima kasih kepada penganjur kerana menganjurkan acara yang begitu meriah dan memberi peluang untuk kami beriadah dengan cara yang berbeza dan menyeronokkan. Pasti akan menyertai lagi kalau tahun depan ada lagi !"

Acara ini bukan hanya tentang berlari, tetapi juga tentang mencipta kenangan indah bersama keluarga dan rakan-rakan.



Bakat Muda Bersinar di Kejohanan Badminton UPM 2025

oleh : Lim Xiao Jia

Serdang, 19 Januari 2025 – Kejohanan Badminton Bakat Baru UPM 2025 menyaksikan persaingan sengit dalam kalangan pemain muda dari warga UPM dalam usaha mencungkil bakat baharu yang bakal mewarnai arena sukan badminton negara.

Fasilitator kumpulan 1, Encik Mohd Faiz Mat Saad berkata, kejohanan ini diadakan bagi memberi peluang kepada semua yang berbakat untuk menunjukkan kebolehan mereka serta menjadi platform pembangunan bakat dalam sukan badminton.

Beliau menegaskan bahawa sukan bukan sahaja mampu membentuk disiplin dan semangat kesukanan dalam kalangan pelajar tetapi juga memainkan peranan penting dalam melahirkan atlet yang berkualiti serta mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Kejohanan ini bukan sekadar pertandingan, tetapi juga sebagai medan pencarian atlet berbakat yang boleh diketengahkan untuk mewakili negara pada masa hadapan," katanya dalam ucapan perasmian kejohanan di Akademi Sukan UPM yang dihadiri lebih 200 peserta dan penonton.

"Kejohanan ini diharapkan dapat meningkatkan minat dan kecintaan terhadap sukan badminton serta melahirkan lebih ramai pemain berbakat yang mampu mengharumkan nama universiti dan negara di peringkat global," ujar Fasilitator Khas, En. Wan Zaharuddin Wan Abdullah, yang turut hadir dalam majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kejohanan tersebut.



QKS2102 Badminton | Teras Sukan
Fasilitator : Encik Mohd Faiz Mat Saad & En. Mohd Ridzuan Adnan

Klinik Hoki membentuk pelajar sekolah menjadi “Star”

Oleh : Haidah Aina Zahra Hamizi

Serdang, 18 Januari 2025- Seramai lebih 30 pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra kategori U12 telah menyertai Program Hoki Klinik yang dianjurkan oleh pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Klinik Hoki yang akan diadakan untuk kali kedua selepas kejayaan program sulungnya pada tahun 2022 bertujuan untuk memupuk minat serta meningkatkan kemahiran hoki di kalangan pelajar sekolah rendah melalui latihan dan aktiviti yang interaktif dan bermanfaat serta mencungkil atlet muda berbakat sebagai pelapis masa depan negara.

Pengarah program, Nur Hanna Alisya Binti Hanafi berkata bahawa pendedahan terhadap sukan hoki di negara kita masih kurang berbanding dengan sukan-sukan lain seperti bola sepak membuat mereka mengambil inisiatif sebegini.

“Meskipun Malaysia diiktiraf sebagai salah satu negara yang handal dalam bidang hoki di peringkat antarabangsa, sukan ini masih ketinggalan dalam hal pendedahan media.”

“Dengan adanya program ini, diharapkan ia dapat memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada sukan hoki di mata masyarakat luar.”

Menariknya, program Klinik Hoki ini merupakan program satu hari di mana peserta akan mempelajari teknik-teknik hoki daripada pemain-pemain kebangsaan yang berpengalaman.

Seorang peserta, Adam Zarif berkata, “Saya sangat teruja dapat menyertai Klinik Hoki ini kerana ia memberi peluang kepada saya untuk mempelajari teknik-teknik daripada pemain kebangsaan yang berpengalaman. Selain itu, ia juga membuka mata saya tentang pentingnya disiplin dan latihan yang konsisten dalam mencapai tahap permainan yang lebih tinggi.”

“Pengalaman ini sangat berharga dan memberi saya motivasi untuk terus berusaha keras dalam sukan hoki. Saya berharap dapat mengaplikasikan segala ilmu yang saya peroleh hari ini dalam latihan harian saya,” tambahnya lagi.

Selain itu, para peserta mengikuti sesi perkongsian yang dipimpin oleh jurulatih UPM, di mana mereka mendalami aspek taktikal dan teknik hoki yang penting untuk pembanguna sukan di peringkat sekolah. Sebagai tambahan, peserta turut diberi peluang untuk berinteraksi dengan pasukan penganjur dari Universiti Putra Malaysia (UPM), yang berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam dunia hoki serta memberi motivasi kepada para pelajar.

Klinik Hoki ini berakhir dengan penuh kejayaan, ianya diharap dapat melahirkan lebih banyak pemain berbakat di masa depan.





Pelajar UPM Perkenal Pembelajaran Bola Tampar Berkonsepkan *Explorace*

Oleh : Ammar Ikhwan bin Zukhairi

Serdang, 12 Januari 2025– Pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit Bola Tampar di bawah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan sebuah program komuniti berkonsepkan *explorace* pada 12 Januari 2025 yang lalu.

Program ini diadakan sebagai sebahagian daripada program akademik dan sukan yang bertujuan untuk mencungkil bakat muda serta melatih kemahiran insaniah pelajar.

Melalui program ini, pelajar dan peserta dapat memperoleh pengalaman praktikal dalam permainan bola tampar serta memahami teknik-teknik asas permainan bola tampar. Setiap peserta diberi peluang untuk mempelajari teknik dalam sukan bola tampar di setiap checkpoint sebelum tugas diberikan.

Alias Ab Aziz, Tenaga Pengajar dan juga Penasihat Program menyatakan bahawa program ini bertujuan untuk mencipta pelajar '*The Thinking Athlete*' yang mampu meningkatkan prestasi dan pencapaian sukan negara. "Melalui aktiviti ini, kami berharap dapat membentuk sikap profesionalisme dan semangat berdikari di kalangan pelajar," tambah Alias.

Program ini juga melibatkan sesi teori, praktikal, serta kejohanan mini antara peserta untuk menguji pemahaman dan tahap kemahiran mereka. Timbalan Pengarah PKPP, Ts. Dr Rozzamri Ashari menyempurnakan majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah bagi program ini.

Program ini mendapat sambutan hangat dari para peserta daripada beberapa Institusi Pengajian Tinggi sekitar Lembah Klang, yang menyaksikan para peserta bermain dan bertanding dengan penuh semangat dan dedikasi. Melalui program ini, UPM berharap dapat menggalakkan minat pelajar terhadap sukan bola tampar serta membentuk generasi pelajar yang cergas, aktif, dan produktif





Bual Bicara Keusahawanan Era Milenium Bersama 4Life Warnai Kampus UPM

oleh :Brooklyn Johnson Anak Kira

Serdang, 18 Januari 2025– Bilik Seminar 5, Kompleks Akademik A, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjadi medan inspirasi apabila program Bual Bicara Keusahawanan Era Milenium Bersama 4Life berlangsung dengan meriah. Program ini dianjurkan oleh pelajar kursus Pengurusan Majlis (QKW2109), Kumpulan 2 dengan kerjasama syarikat 4Life, serta diselia oleh fasilitator Puan Salina binti Abdul Rahman

Bertemakan "Tahun Baru, Perjalanan Milenium 2025", program ini menghimpunkan sekitar 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan komuniti UPM. Objektif utama adalah meningkatkan kesedaran mengenai kesejahteraan fizikal, mental, dan keusahawanan, di samping membekalkan kemahiran komunikasi, kepimpinan serta pengurusan kepada para pelajar

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ts. Dr. Rozzamri Ashari, dengan kehadiran tetamu kehormat daripada Syarikat 4Life Malaysia, iaitu Puan Aminah Binti Ibrahim dan Cik Nur Atina Abdul Aziz. Mereka turut berkongsi pengalaman serta strategi membina perniagaan daripada asas hingga mencapai kejayaan. Sesi soal jawab bersama para pelajar menjadi tumpuan apabila peserta berpeluang mengajukan pertanyaan secara langsung mengenai dunia keusahawanan dan produk 4Life

Selain sesi ilmiah, program turut dimeriahkan dengan persembahan montaj, cabutan bertuah, serta mini games yang melibatkan semua peserta. Aktiviti ini berjaya mengeratkan hubungan antara pelajar, penganjur dan tetamu, sekali gus menambah elemen santai dalam suasana penuh ilmiah.

Pengarah Program, Brooklyn Johnson anak Kira, berkata program ini bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada pelajar dalam penganjuran majlis berskala sederhana, malah menjadi ruang berharga untuk meningkatkan keyakinan diri, daya kreativiti dan kemahiran berpasukan.

Secara keseluruhan, Bual Bicara Keusahawanan Era Milenium Bersama 4Life berjaya mencapai objektifnya sebagai platform pembangunan sahsiah dan intelek, serta mengukuhkan semangat komuniti UPM dalam mendukung gaya hidup sihat dan berdaya saing di era milenium.



Kejohanan Beregu Tenis Lelaki Tertutup UPM 2025 Meriahkan Gelanggang Tenis UPM

oleh : Nur Khairunnisah Mohd Khalid


Serdang, 18 Januari 2025– Kejohanan Beregu Tenis Lelaki Tertutup UPM sesi 2025 yang dianjurkan oleh Kursus Kokurikulum Berkredit Tenis (QKS2111) di bawah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar berlangsung dengan penuh semangat di gelanggang tenis UPM. Kejohanan ini berjaya menarik penyertaan hampir 20 pemain berbakat yang dihadiri hampir 40 orang penonton untuk menyaksikan persembahan bertenaga para peserta.

Kejohanan ini bukan sahaja menjadi wadah untuk mengasah kemahiran atlet, tetapi juga bertujuan membina semangat berpasukan serta meningkatkan daya saing dalam kalangan mahasiswa. Goshen A/L Rajasegaran, selaku pengerusi program, menekankan bahawa penganjuran kejohanan ini berperanan penting dalam mencungkil bakat baharu dan merapatkan ukhuwah sesama pemain.

Dalam pada itu, penasihat program, En. Mohd Shaiq Ahmad, menzahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini. Beliau berharap program sebegini dapat diteruskan bagi menyemarakkan budaya sukan di UPM dan melahirkan lebih ramai pemain berkualiti.

Aksi di gelanggang menyaksikan pemain beradu strategi dan ketangkasan, diiringi sorakan gemuruh daripada penonton yang memberikan semangat sepanjang perlawanan. Kehebatan dan kesungguhan peserta terserlah dalam setiap mata yang dipertaruhkan.

Secara keseluruhan, Kejohanan Beregu Tenis Lelaki Tertutup UPM bagi sesi 2025 telah berjaya mencapai matlamatnya dalam memperkukuh hubungan antara pemain, memartabatkan sukan tenis serta mendorong lebih ramai pelajar untuk menyertai aktiviti sukan pada masa akan datang.



Siswa UPM anjur Kejohanan Bola Jaring, Tingkatkan Perpaduan dan Bakat Sukan

Oleh: Nur Amira Nazira Sumiran

Serdang, 28 Disember 2024– Seramai 35 orang mahasiswa tahun pertama Kursus Bola Jaring, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan *Wolverines Netball Open Tournament* yang menarik penyertaan lebih 120 pemain amatur terdiri daripada masyarakat setempat dan mahasiswa universiti lain.

Pengarah program, Zameena Jihan binti Mohd Ayob, berkata kejohanan ini bukan sahaja memperkukuh budaya bersukan, malah menjadi platform untuk individu dari pelbagai latar belakang berkumpul dan membina persahabatan.

"Sukan bola jaring ini membawa nilai yang lebih besar daripada sekadar permainan. Ia menjadi ruang untuk individu dari pelbagai latar belakang, menjalinkan hubungan dan secara tidak langsung mengeratkan lagi perpaduan dalam komuniti," jelasnya.

Sementara itu, Fasilitator Khas Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Dr. Mohd Firdaus bin Abdullah, yang merasmikan kejohanan tersebut, menegaskan kepentingan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukan dan rekreasi.

"UPM mahu menjadikan sukan sebagai penyatuan dan perpaduan dalam kalangan pelajar dan masyarakat," katanya dalam ucapan perasmian di Dewan Akademi Sukan UPM.

Para peserta yang mengambil bahagian menzahirkan rasa gembira dan teruja kerana kejohanan ini bukan sahaja memberi pengalaman bertanding, tetapi turut mengukuhkan kerjasama pasukan serta semangat kesukanan.

Wolverines Netball Open Tournament sekaligus berjaya mencapai objektifnya sebagai platform pembangunan bakat, membina jaringan komuniti dan memupuk semangat perpaduan melalui sukan.



QKS2113 Bola Jaring | Teras Sukan
Fasilitator : Pn. Nor Ain Shaheera Binti Nordin

UPM Anjur Kejohanan Ping Pong Beregu Jemputan 2025

Oleh : Lau Kar Kai

Serdang, 5 Januari 2025 – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Kejohanan Ping Pong Beregu Jemputan UPM 2025 bertempat di Dewan Putra, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar. Kejohanan yang berlangsung pada 4 dan 5 Januari itu menyaksikan penyertaan seramai 98 peserta dengan penglibatan keseluruhan 133 orang, termasuk 35 pelajar UPM dari Kursus Kokurikulum Ping Pong (QKS2114) Kumpulan 2 sebagai penganjur dan jawatankuasa pelaksana.

Program bermula pada 4 Januari dengan sesi taklimat pembahagian tugas dan persiapan gelanggang. Pada 5 Januari, acara rasmi dimulakan dengan pendaftaran peserta, taklimat peraturan serta perlawanan peringkat kumpulan yang dibahagikan kepada 12 kumpulan. Pertandingan kemudian diteruskan ke peringkat kalah mati yang melibatkan pusingan 32 hingga ke perlawanan akhir.

Majlis penutup kejohanan disempurnakan dengan ucapan oleh pengarah program, Saudara Lau Kar Kai, diikuti ucapan penutup oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Prof. Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad. Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang serta sesi bergambar bersama semua peserta dan jawatankuasa.

Kejohanan ini bukan sahaja menjadi platform mencungkil bakat baharu dalam sukan ping pong, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar UPM untuk menimba pengalaman dalam aspek pengurusan program, pengadiln serta penyelarasan pertandingan. Program ini turut berjaya memupuk semangat kesukanan, disiplin dan kerjasama dalam kalangan peserta serta jawatankuasa penganjur.

Penganjuran kejohanan ini membuktikan komitmen UPM dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, kepimpinan, dan penglibatan sukan, selaras dengan aspirasi universiti untuk memperkukuh pembangunan sahsiah dan keterampilan pelajarinya.





www.upm.edu.my